

# SEKATA

Jurnal pembinaan bahasa dan persuratan  
MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA  
ISSN 0217-4627

JILID 11  
BILANGAN 1

FEBRUARI 1998  
SYAWAL 1418

- Panggilan Hormat dan Gelar
- Perihal Makan Orang Melayu
- Membaca dan Befikir Secara Kritis

## MUTIARA PADA TELINGA BUDI, PERMATA PADA CINCIN HATI

PERCUMA

MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA  
KEMENTERIAN PENERANGAN & KESENIAN  
SINGAPURA

**MAJLIS  
BAHASA MELAYU  
SINGAPURA**

Pengerusi  
HAJI SIDEK SANIFF  
Setiausaha Kehormat  
ABDUL MALEKAHMAD  
Anggota  
HAJI YATIMAN YUSOF  
MOHD MAIDIN PACKER MOHD  
HARUN A. GHANI  
HAWAZI DAIFI  
HAJI WAN HUSSIN ZOOHRI  
HAJI MUHAMMAD ARIFF AHMAD  
MASURI SALIKUN  
MA'AMUN HMFSUHEIMI  
DR. LIAW YOCK FANG  
SUPKI HAJI SIDEK  
HASHIM YUSOF  
AHMAD THANI AHMAD  
KASMADI HAJI NASIR  
MOHAMED NAIM DAIFI  
DRS. MASRAN SABRAN  
MOHD RAMANDAUD  
DR KAMSIAH ABDULLAH  
NORISAH MANSOR  
DR HADIJAH RAHMAT

**KANDUNGAN**

Muka  
1

Daripada Editor

3

PENGGUNAAN

8

KATA-KATA

Panggilan hormat dan gelar  
menurut kaedah bahasa dan  
kebudayaan Melayu.

- Haji Muhammad Ariff Ahmad  
**PERIHAL MAKAN** 8

- Haji Muhammad Ariff Ahmad  
**MUTIARA PADA TELINGA** 41

**BUDI, PADA CINCIN HATI**  
Penggunaan Bahan Sastera  
dalam Pengajaran Sivik,  
Moral dan Pendidikan  
Kebangsaan

- Dr Hadijah Rahmat  
**MEMBACA DAN BERFIKIR** 61

**SECARA KRITIS:  
APAKAH ERTINYA?**

- Dr Kamsiah Abdullah

**SIDANG EDITOR  
SEKATA**

Jilid 11 Februari 1998  
Bilangan 1 ISSN 0217-4627 Syawal 1418

Editor  
MOHD RAMANDAUD

Anggota  
DRS MASRAN SABRAN (Setiausaha)  
DR KAMSIAH ABDULLAH  
MA'AMUN HMFSUHEIMI  
ISA KAMARI

SEKATA diterbitkan setahun tiga kali, oleh Majlis Bahasa Melayu, Singapura, Kementerian Penerangan dan Kesenian Singapura. Sidang Editor berhak menyunting dan meminda setiap karangan yang diterima tanpa mengubah maksud asalnya. Tulisan yang diterbitkan dalam jurnal ini tidak semestinya merupakan pendapat Majlis Bahasa Melayu Singapura dan Sidang Editor. Setiap karangan boleh diterbitkan kembali dengan syarat mendapat kebenaran daripada Pengurus MBMS atau Sidang Editor.

Surat-surat boleh dialamatkan kepada:  
SETIAUSAHA KEHORMAT  
MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA,  
KEMENTERIAN PENERANGAN & KESENIAN  
BANGUNAN PSA, TINGKAT 36,  
460, ALEXANDRA ROAD  
SINGAPURA 119963.

## ***Daripada Editor....***

---

*Setelah beberapa lama tidak kunjung terbit, alhamdulillah SEKATA menemui pembaca dalam bentuk agak baru. Ia tampil buat pertama kali dengan hidangan rencana-rencana bersifat persuratan umum - dari soal bahasa, pengajaran sastera sehingga kebudayaan seperti adat resam. Ini dilakukan sejajar dengan mailamat besar Majlis Bahasa Melayu Singapura yang memperjuangkan bukan sekadar bahasa, tetapi persuratan Melayu di republik ini.*

*Masalah lazim bagi penerbitan jurnal bukanlah kerana tiada tenaga penerbit, tetapi bahan-bahan yang wajar diketengahkan - bernas dan dapat dijadikan rujukan malar segar. Mentelah lagi, bahasa Melayu tidak digunakan secara meluas dalam bentuk ilmu yang lain, kecuali pengajaran bahasa dan sastera. Meski dalam suasana dominan bahasa Inggeris di republik ini, namun kami percaya dengan kesedaran terhadap jati diri, kian ramai profesional yang dapat meluahkan pendapat dalam bahasa ibunda atau*

*bahasa Melayu. Kami mengalu-alukan rencana bermutu daripada mereka. Bahkan kami sanggup membantu di segi penerjemahan dan bimbingan penulisan, jika perlu.*

*Moga jurnal pertama ini memberi makna besar kepada kita semua. Mohon kami teguran dan pandangan agar SEKATA terus seiring bersama zaman.*

# PENGGUNAAN KATA-KATA

Panggilan hormat dan Gelar  
menurut kaedah bahasa dan kebudayaan Melayu.

- oleh Haji Muhammad Ariff Ahmad

## A. Panggilan hormat:

Panggilan digunakan kepada/untuk

(a) menggunakan kata **haderat**

- |               |                           |
|---------------|---------------------------|
| 1. ke haderat | Allah SWT, Ilahi Rabbi..  |
| 2. ke haderat | Rasulullah SAW, para nabi |

(b) menggunakan kata **mulia**  
(ya karim)

- |                                  |                               |
|----------------------------------|-------------------------------|
| 3. ke bawah duli Yang Maha Mulia | Sultan yang memerintah negeri |
| 4. Yang Teramat Mulia            | Raja Muda; Tengku Mahkota     |
| 5. Yang Dimuliakan               | Pehin-pehin di Brunei         |
| 6. Yang Mulia                    | Encik-encik dan tuan-tuan*    |

(c) menggunakan kata **utama**

## 7. Yang Terutama

Presiden Negara; Yang Dipertuan Negara/Negeri; Gabenor.

(d) menggunakan kata **hormat**

## 8. Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri & Timbalannya; Ketua Menteri; Menteri Besar. Anggota Parlimen; Ahli Mesyuarat Negeri.

## 9. Yang Berhormat

Tetamu tertentu (pilihan) kerana status istimewa Tetamu tertentu (pilihan) status biasa

## 10. Yang Terhormat

## 11. Yang Dihormati

Tetamu tertentu (pilihan) status biasa

(e) menggunakan kata **bahagia**

## 12. Yang Berbahagia

**Sahibus-samahah**

Mufti Negara.

## 13. Yang Berbahagia

**Sahibul-fadilah**

Pemimpin kanan Agama Islam.

## 14. Yang Berbahagia

Tetamu Terhormat (*Guest of Honour*); para budiman; dermawan; jasawan

(f) menggunakan kata **kasih**

## 15. Yang dikasihi

Tetamu tertentu (pilihan)

## II. Gelar.

Menghormati seseorang kita menggunakan *kata gelar* mendahului namanya. Kata-kata gelar itu boleh juga berfungsi

*gantinama - awak, anda, kamu* - apabila seseorang penutur berbicara dengan mitra tuturnya tidak mahu menyebut namanya, misalnya:

1. *Di manakah encik belajar bahasa Melayu?*
  2. *Harap hati kepada tuan.. tidak tuan siapa lagi?*
  3. *Kalau abang mati dahulu, tunggulah saya di pintu syurga.*
  4. *Saya ingin berjumpa cikgu, petang ini.*
- dan lain-lain yang seumpamanya.

(a) **encik** ialah *gelar* yang paling asas bagi semua nama-nama Melayu, misalnya: **Encik** Abdul Ghani, **Encik** Munirah dan lain-lain. Gelar encik disingkat menjadi *cik* apabila dipakaikan kepada *singkatan nama*, misalnya: **Cik Mat**, **Cik Mah** dan yang sebagainya.

(b) **tuan** dikatakan berasal dari kata Sanskrit *tuhan* [bermakna *yang dipuja; yang disembah*]. *Gelar tuan* dipakaikan kepada nama mereka yang berkuasa - penguasa, majikan, pemilik dan sebagainya, misalnya: **Tuan Raffles**, **Tuan Yamamoto**, **Tuan Haji Badrun** dan yang sebagainya.

*Tren baru*, sebagai tularan kebudayaan asing [tiap jantan ada betinanya], maka semenjak 1940an - dalam zaman pendudukan Jepun - **Cikgu Mahmud Ahmad** memakaikan *gelar puan* kepada **tuan** [perempuan], misalnya: isteri **Tuan Yamamoto** dipanggil **Puan Yamamoto**. Kemudian, terikut-ikutlah pula *gelar Encik* dicadangkan untuk lelaki dan *gelar Cik* [singkatan dari

*Encik*] itu dicadang-kan untuk perempuan, misalnya **Encik Sabar**, **Cik Sabariah** dan sebagainya.

(c) **gelar-gelar lain** -

gelar keluarga: **datuk**, **neneh**, **pak**, **mak**, **abang**, **kakak** dan sebagainya;  
gelar profesi: **cikgu**, **profesor**, **doktor**, **drs**, **kiayi** dan yang sebagainya;  
gelar kehormat **dato**, **datin**, **tan sri**, **tun** dan sebagainya..

dipakai mengganti *gelar dasar encik/cik, tuan/puan*.

(d) **haji/hajah** - gelar bagi mereka yang telah menunaikan fardhu hajinya. *Gelar haji* dipakai menggantikan *encik* atau *tuan*; dan tidak pupus apabila menerima *gelar-gelar lain*, misalnya: **Haji Muhammad Mansur** dan **Hajah Masturah** dan yang sebagainya.

Jika seseorang itu mempunyai beberapa *gelar lain*, *gelar-gelar* itu disebutkan berturut-turut, bermula dari *yang paling akhir diterimanya*, misalnya:

Encik Ismail Husin berubah-ubah menjadi:

**Haji Ismail Husin..**

**Doktor Haji Ismail Husin..**

**Profesor Doktor Haji Ismail Husin..**

**Dato' Prof Dr Haji Ismail Husin..**

**Tan Sri Dato' Prof Dr Haji Ismail Husin.**

(e) **yang berhormat** - gelar ini disebutkan, diikuti nama jawatannya kemudian nama penjawatnya, misalnya:

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan  
Masyarakat** *merangkap* Menteri Bertanggung  
jawab Ehwal Islam, Encik Abdullah Tarmugi.  
**Yang Berhormat Menteri Negara Kanan  
Kementerian Sekitaran yang juga Pengerusi  
Majlis Bahasa Melayu, Haji Sidek Saniff.**  
wallahu a'lam..

## PERIHAL MAKAN

---

- oleh Haji Muhammad Ariff Ahmad

### 1. apa itu “makan”?

Apabila ditanyai: “*sudahkah anda makan?*” atau dengan pelat asing, wacana tanya itu disebut “*Awak sudah makan?*”. Orang Melayu akan melihat siapa yang bertanya.

Jika yang bertanya itu sahabat Cinanya, maka pertanyaan itu segera dijawab “*sudah*”, kerana yang ditanya itu faham bahawa yang ditanyakan penanya Cina tadi bukanlah **makan** yang sebenarnya [**makan** dalam makna leksikal], tetapi **makan** [dalam makna kultural] yang merupakan basa basi persapaan mereka, seperti orang Melayu bertanya “*apa khabar?*”, atau Inggeris bertanya “*how are you?*”, atau Jepun bertanya “*o ikaga deska?*”, atau orang Arab bertanya “*kaifa hal?*”.

Tetapi, jika yang bertanya itu orang bukan-Cina, maka yang terbayang dalam benak Melayu yang ditanya ialah **makan nasi** yang biasanya dilakukan pada *tengah hari* atau

*awal malam* - bukan memakan makanan lain. Bagi sesetengah orang, walaupun dia sudah memakan makanan-makanan lain tetapi belum **makan nasi**, apabila ditanyai “*sudahkan anda makan?*”, maka tanpa ragu-ragu akan dijawabnya “**belum**”.

Yang dikatakan **makan nasi** ialah memakan *nasi* [sebagai makanan asas/baku] bersama dengan *lauknya* [sayur-sayuran (direbus atau ditumis), ikan/daging (digoreng atau digulai)] sebagai wahana pancarasa [masin, masam, pedas, lemak dan manis] serta sambal dan alalap (ulam) seperti petai, jering, mentimun atau taruk-taruk gajus, mengkudu belanda, pegaga dan yang sebagainya [pembawa rasa pepedas, kelat-kelatan dan pahit-pahitan] sebagai tambahan.

Lepas **makan nasi** disusuli dengan:

- (a) memakan **basuh mulut** - biasanya buah-buahan atau manisan.
- (b) meminum *air mati* atau *air jarang* atau *air murni*.

Inilah komponen makanan baku orang Melayu.

Orang Melayu lama tidak pernah memikirkan sama ada di dalam makanannya itu terkandung protein, karbohidrat, mineral, vitamin, lemak atau kolesterol yang terkawal atau tidak. Yang diukurnya ialah sama ada pancarasa makanan itu mencukupi atau tidak - jika kurang masin ditambah garam; kurang manis ditambah gula dan sebagainya.

Kini mereka sudah pandai cerewet memilih makanan, misalnya:

- (a) kalau makan ayam - makan dagingnya jangan makan kulitnya;

- (b) kalau makan telur - makan putihnya, jangan makan kuningnya;
- (c) kalau makan kambing - daging direbus dahulu, kerik dan kikis lemaknya baru dipelbagai masaknya.
- (d) kurangkan memakan gula dan garam.
- (e) kurangkan makanan bergoreng.
- (f) elakkan santan dan makanan berkelapa.
- (g) menggoreng pakai *minyak jagung*; elakkan *minyak sapi*.
- (h) pilih makanan yang *low fat* dan yang *free cholesterol*.
- (i) minimumkan memakan nasi beriani, nasi minyak dan nasi lemak.  
dan macam-macam lagi.

Pilihan ini mereka lakukan kerana mereka sedar bahawa selain daripada *orang mati kerana tak makan*, banyak pula *orang yang mati kerana salah makan atau kerana tak pilih makan*. Islam pun menggalakkan supaya kita memakan makanan yang *halalan thaiyiba* - yang halal lagi *thaiyib* (baik bagi diri dan kehidupan) - bukan yang halal semata-mata.

## 2. berapa kali sehari, “orang Melayu makan”?

Bakunya: orang Melayu makan **tiga kali sehari** - dua kali **makan nasi** dan sekali **makan sarap**. *Sarap* pada makan itu: bukanlah *sampah sarap* atau *urat sarap*; tetapi *sarap* yang bermakna *alas (alas perut)*.

*Mengalas perut* bermakna *makan sekadar tidak lapar* dan boleh tahan sehingga waktu makan yang terjadual.

Pertama: **sarapan** = *makan pagi*.

*Bersarapan* atau *makan pagi*, biasanya, dilakukan di rumah waktu pagi - sebelum petani pergi ke ladang; sebelum nelayan pergi ke laut; sebelum pekerja pergi ke pejabat dan sebelum anak-anak pergi ke sekolah.. Walaupun fungsi **sarapan** sebagai *pengalas perut*, namun *sarapan* yakni *makan pagi* itu, biasanya, makanan yang membina tenaga.

Kedua: **merarau** = *makan tengah hari*.

*Merarau* atau *makan tengah hari* dilakukan sejurus selepas solat Zuhur bagi mereka yang di rumah. Bagi petani, mereka akan *merarau* di dangu atau di gubuk, dan bagi mereka yang bekerja di pejabat: yang sempat akan *pulang makan* ke rumah; yang tak sempat akan *keluar makan* ke pusat penjaja atau ke taman selera.

Ketiga: **enggabi** = *makan malam*.

Lumrahnya, *enggabi* atau *makan malam* dilakukan orang sejurus selepas solat Maghrib, namun bagi yang berjemaah di masjid atau surau, biasanya, mereka *enggabi* sejurus selepas solat Isyak. Bagi yang *enggabi* selepas Maghrib, biasanya, mereka lambatkan solat Isyaknya. Makanan yang dimakan waktu *enggabi* ini sama seperti yang dimakan waktu *merarau* tadi.

### 3. tambahan kali makan harian.

Perbenturan kebudayaan kosmopolitan menyebabkan *budaya makan* orang Melayu di Singapura (khususnya) turut terjejas. Kebanyakan orang Melayu sekarang, selain daripada

makan yang tiga kali [yang lazim] tadi, ada beberapa *makan selingan*, iaitu:

Pertama: **méntong** = *makan pendua*.

Meniru kebiasaan orang Jawa, banyak orang Melayu keturunan Jawa suka **mentong**. *Mentong* dilakukan antara *merarau* dengan *enggabi*. Makanan untuk *mentong* ialah nasi sejuk [lebihan nasi merarau] dengan lauk-pauknya yang sudah mulai menjadi sejuk.

Biasanya, mereka yang tidak ada apa-apa kerja selepas Zuhur, sementara menunggu waktu Asar, mereka *mentong*.

Kedua: **mengudap** = *coffee break*

Meniru kebiasaan orang Barat, banyak orang Melayu sudah mengamalkan budaya **mengudap**. *Mengudap* dilakukan orang antara waktu *sarapan* dengan *merarau*. Makanan untuk *mengudap* ialah *cemil-cemilan* seperti keropok, kerepek, biskut atau kuih-kuih sekadar jadi kunyahan - bukan untuk mengenyangkan. Biasanya, *kudapan* ini dibeli - bukan yang dimasak atau dibuat sendiri. Minuman bagi *mengudap*, lazimnya, ialah kopi.

Ketiga: **menambun** = *tea time*

*Menambun* [juga tiruan dari budaya Barat] dilakukan orang antara waktu *merarau* dengan *enggabi*. Makanan untuk *menambun* ialah *cemil-cemilan* seperti yang dimakan waktu *mengudap*, tetapi minuman bagi *menambun* ialah teh. Biasa juga, kadang-kadang, dalam *menambun* ada makanan yang boleh mengenyangkan seperti *sandwich*, mi siam atau

pisang goreng, misalnya.

*Menambun* dan *mentong* dilakukan pada waktu yang hampir sama tetapi ayapannya berbeda. *Menambun* menyuguhkan *cemilan*; manakala *mentong* menghidangkan *makanan berat*, seimbang dengan *merarau* dan *enggabi*.

#### 4. makan dalam bulan Puasa.

Orang berpuasa sepanjang hari - dari *masuk waktu Subuh* hingga *akhir waktu Asar*. *Masuk waktu Maghrib* Pemuasa wajib *berbuka puasa*. *Sunnat berbuka puasa itu diawalkan*. Bulan Puasa mengubah jadual makan orang Melayu menjadi:

Pertama: *iftar = buka puasa*.

*Iftar* dilakukan sebaik-baik *masuk waktu Maghrib*. Tidak perlu makan banyak-banyak; memadai sekadar *berbuka puasa*. Lepas berbuka puasa orang dirikan solat Maghrib. Lepas Maghrib barulah orang *enggabi*. Ujaran: *sunnat berbuka puasa di atas tamar* menyebabkan orang seakan-akan mewajibkan makan tamar waktu *iftar*. Ada orang yang *enggabi* bersekali dengan *berbuka puasa* kemudian baru solat Maghrib; tetapi ada pula yang *enggabi* selepas selesai solat *tarawih* dan *witir*.

Kedua: *sahur = makan sebelum puasa*.

*Sahur* ialah jangka waktu antara *dinihari* dengan *fajar kazib* - dari kira-kira pukul 3.00 pagi hingga kira-kira pukul 5.30 pagi. *Makan Sahur* bermakna *makan dalam waktu sahur* sama seperti *Solat Maghrib* bermakna *bersolat dalam waktu*

*maghrib*. Orang yang makan malam sebelum masuk waktu *sahur* tidaklah dianggap *makan sahur*.

Oleh itu, ujaran: *sunnat bersahur (makan sahur)* bagi orang berpuasa itu tidaklah membabitkan orang yang makan di luar waktu *sahur*. Orang yang makan di luar waktu *sahur* tidak seyogia mendapat pahala *bersahur*; sama seperti orang yang *solat Maghrib* di luar waktu Maghrib, bukan sahaja tidak berpahala malah berdosa. Wallahu a'lam.

#### 5. adat makan.

Kanak-kanak, biasanya, tidak boleh makan bersama sehidangan dengan orang dewasa. Mereka harus diberi makan, sebelum atau sesudah orang dewasa makan.

Nasi dan lauk pauk untuk kanak-kanak dicampurkan dalam pinggan ayam. Mereka disuguhkan makanan sepinggan seorang. Tiap kanak-kanak disuruh memakan makanannya sampai habis. Kononnya, kalau tidak mereka habiskan makanannya, ayam yang mereka pelihara akan mati.

Pada zaman dahulu, memang tiap-tiap anak diberi memelihara sekurang-kurangnya seekor ayam. Oleh sebab takutkan ayamnya itu mati, kanak-kanak berusaha sedaya upaya menghabiskan makanannya.

Orang dewasa dalam keluarga boleh makan bersama sehidangan.

Nasi dibubuhkan dalam sebuah *ceting* [wadah nasi terbuat dari belahan buluh ber- anyam], lauk-pauknya dibubuh dalam mangkuk berasingan. Pemakan-pemakan duduk

berkeliling hidangan makanan itu. Nasi disuguhkan dalam pinggan sendiri-sendiri; tetapi lauk pauknya boleh dipilih dan diambil menurut kehendak masing-masing.

Sebelum makan tiap orang harus dalam keadaan bersih - bersih badan dan dengan pakaian yang sempurna. Orang lelaki harus bersongkok. Kalau baru lepas bekerja, orang itu harus mandi; jika tidak, sekurang-kurangnya dia harus basuh muka dan basuh kedua kaki dan tangannya, sebelum duduk mengadap rezeki. Orang lelaki duduk bersila; orang perempuan duduk bertimpuh.

Makanan mesti sentiasa terletak di depan pemakan - di depan sila atau di depan timpuh. Sebelum menuap makanan, pemakan disunnatkan berdoa, sekurang-kurangnya membaca: *Allahumma bariklana fima razaktana wakina azaban-nar..* membasuh tangan, baru memulakan *makan*.

Pada masa makan orang harus bertumpu kepada makan; jangan banyak berbual yang bukan-bukan pada masa sedang makan, kerana yang demikian itu bererti *tidak menghormati makanan..* dan tidak menunjukkan kesyukuran atas rezeki yang terkurnia..

Sebagai *santun makan*, adat menganjurkan supaya tiap pemakan mengambil lauk yang terletak paling hampir dengan pinggan nasinya. Jika pemakan mahukan lauk yang jauh dari pinggan nasinya, ia harus memberi isyarat kepada pemakan di seberang supaya menghulurkan lauk itu kepadanya. *Tidak sopan* bagi pemakan jika ia memanjangkan tangannya menyeberang ke “*teritori*” pemakan lain untuk mengambil lauk yang dikehendakinya.

Justeru kerana itu, adat menggalakkan pemakan supaya “kerap-kerap” menawarkan (mempelawa) lauk yang di dekatnya kepada pemakan di seberangnya. Menghulur dan menerima makanan itu hendaklah dilakukan dengan *tangan kanan*. Namun, oleh sebab orang Melayu makan dengan tangan kanan; dan tangan itu dalam keadaan digelimangi makanan, maka bolehlah *menghulur* dan *menerima* itu dilakukan dengan tangan kiri. Bagaimanapun, tangan kiri itu harus disangga dengan tangan kanan juga.

Selesai *makan* dan basuh tangan sunnat pula berdoa, sekurang-kurangnya membaca: *Alhamdulillahil-latzi ath'amana wasaqana waja'alana minal-Muslimin.. Amin.* Pemakan lelaki akan bangun berpindah tempat duduk, memberi ruang kepada *perempuan rumah* mengemas tempat makan itu. Ada senda karmina yang berkata:

*durian kulit emas..*

*siapa kemudian kena kemas!*

Jika ada tamu yang makan bersama, tuan rumah harus menuap makanannya lebih dahulu daripada tamunya, sebagai pernyataan bahawa makanan yang dihidangkan itu bersih daripada mudarat *mainan cantik* (racun, santau, sihir atau sebagainya) oleh tuan rumah. Dan, tuan rumah tidak boleh basuh tangan sebelum tamunya sempurna selesai makan supaya tamunya boleh makan dengan selesa. Tuan rumah membasuh tangan sebelum tamunya selesai makan dianggap tidak sopan, kerana yang demikian itu dianggap sebagai isyarat tuan rumah menyuruh tamunya segera berhenti makan sebelum sempurna makannya.

Bicara tentang *makan* dan *hulur menghulur* dengan tangan kanan, saya teringat akan satu peristiwa dalam suatu

kempen kesihatan pada tahun 1995. Seorang peserta bertanya kepada ustaz penceramah: “kerana kebersihan, orang Melayu sekarang biasa makan dengan sudu-garfu atau chopstick. Apakah hukumnya makan pakai sudu atau sesepit itu?”

Jawab ustaz penceramah: “tidak ada nas atau hadits yang memerintah atau menegah kita makan bergarfu atau bersepit.. tetapi ada ajaran Islam yang mengarahkan kita supaya makan dengan tangan kanan; kerana yang makan dengan tangan kiri itu adalah syaitan.” wallahu a’lam..

## 6. pantang larang waktu makan

*Pantang:* bermakna sesuatu yang tidak dilakukan kerana takut akan padah atau risiko perlakuannya berdasarkan kepercayaan atau tradisi - misalnya: *pantang orang berpayung di dalam rumah..* kerana takut, kononnya, rumah akan dimasuki ular. Manakala *larang* ialah *tegah yang dilakukan kerana sesuatu muslihat* - misalnya: *dilarang menyepah sampah merata-rata..* kerana muslihat kesihatan awam.

### (1) pantang makan berpindah-pindah tempat:

Terutama bagi kanak-kanak. Kononnya: *siapa yang makan berpindah-pindah tempat, apabila dewasa kelak dia akan mempunyai banyak bini.* Kekata **bini** itu berasal dari wacana **bebanku ini**. Dari kecil lagi kanak-kanak sudah dimomokkan dengan risiko banyak bini. Orang takut berbini banyak kerana takut banyak beban - *beban nafkah, bimbingan dan perlindungan.*

Makan berpindah-pindah memang *tidak sopan* kerana yang demikian itu menunjukkan yang pemakan itu

tidak bertumpu kepada *makan*; padahal makan itu bukan mainan, tetapi sesuatu yang serius. Apatah lagi, akan lecehlah nanti orang membersihkan segala remah-remah makanan yang bertaburan merata-rata di sana sini.

### (2) pantang makan menatang pinggan

Kononnya: *orang yang suka makan dengan menatang pinggan, mereka akan menanggung hutang sepanjang hayatnya.* Ajaran ini disampaikan juga menerusi gurindam yang mengatakan:

*Barang siapa suka makan menatang;*

*Sepanjang hayatnya dia menanggung hutang.*

Makan dengan menatang pinggan [terutama jika makan bersama tamu] merupakan sesuatu yang *tidak sopan* kerana yang demikian itu menunjukkan seolah-olah pemakan itu seorang yang terlalu lahap, gelojoh dan *buruk makan* .

Suatu kisah menceritakan: seorang pengembara singgah di rumah seorang janda. Pengembara itu disuguhhi sepinggan nasi oleh janda tadi. Habis makan, nasi tambah tak datang. Pengembara mengangkat pinggan yang sudah kosong, ditunjukkan kepada janda seraya bertanya: *berapakah harga kakak membeli pinggan ini?* Oleh janda yang bistari.., ditunjukkan periuknya yang sudah tidak lagi bernasi kepada pengembara yang faham erti, seraya berkata: *harga pinggan itu sama dengan harga periuk ini.*

Kisah ini menjadi iktibar: makan menatang pinggan menjadi isyarat *makan tak cukup* atau merupakan

bayangan ucapan *terima kasih daun keladi; kalau boleh berilah lagi.*

(3) pantang makan tak bertambah:

Kononnya: *kalau makan tidak bertambah, orang itu tak boleh “melawan”.*

Apa yang tak boleh dilawannya? Sesetengah orang tua mengatakan: *apabila didatangi musuh dia tak berdaya melawan*, tetapi sesetengahnya mengatakan *orang itu jadi sulih [tenaga seksnya mati atau lemah]. Maka itu, kalau lelaki “tidak melawan”, kalau perempuan “tidak melayan”*. Inilah yang orang takut!

Lumrahnya mereka yang *makan tak bertambah* itu ialah orang yang telah mengambil makanannya terlalu banyak sehingga sukar untuk menghabiskannya. Maka itu *santun makan* mengajarkan supaya kita mengambil makanan sekira-kira jadi *penutup lapar*; apabila makanan di pinggan hampir habis sedangkan kita masih belum kenyang, boleh- lah kita tambah sedikit lagi makanan sebagai pencukup/pengenyang.

Islam pun mengajar: makan sampai *kemelakaran (overate)* itu “haram” hukumnya.

(4) pantang makan tak habis:

Terutama bagi kanak-kanak. Kononnya: *kalau makan tidak dihabiskan, ayam yang di- pelihara akan mati.*

Menurut *santun makan*: mengambil makan yang berlebihan itu menunjukkan *tamak* pemakan, dan tidak menghabiskan makanan termasuk perbuatan *membazir*. Kedua- dua sifat *tamak* dan *membazir* adalah tabiat

yang tercela.

Islam pun mengajar: *mubazir* (pembazir) ialah suku sakat syaitan.

(5) pantang makan beremah di pipi/dagu:

Kononnya: *kalau seseorang makan dan meninggalkan remah nasi di pipi atau di dagu, ia akan mendapat anak tiri.* Ini bererti pemakan itu akan berkahwin dengan janda yang membawa anak. Kalau pemakan itu seorang teruna, ia akan terasa sumbang beristerikan janda - bulan madunya belum sempurna, anak tirinya sudah bersusun tangga.. padahal teman-temannya pada beristerikan anak dara.

*Santun makan* menganggap pemakan yang meninggalkan selekeh selepas makan, terutama kalau di bahagian muka, sebagai *tidak tertib* atau *kurang sopan*.

(6) pantang menterbalikkan ikan bakar:

Jika makan berlauk *ikan bakar* [biasanya *terubuk, cencaru* atau *siakap*], apabila telah dimakan sebelah, *pantang diterbalikkan* ikan itu untuk dimakan isi yang sebelah lagi. Kononnya: *siapa yang menterbalikkan ikan itu akan sentiasa sesat jalan.* Cara yang betul memakan *ikan bakar* ialah: apabila selesai makan bahagian di sebelah atas, angkat dan ketepikan kepala dan tulang ikan itu kemudian teruskan makan yang sebelah lagi.

Menurut *santun makan*, menterbalikkan *ikan bakar* itu dianggap memberi isyarat *ikan itu tak cukup masak.*

Akan tersinggung perasaan dan terasa malulah orang yang menjamu kita makan kerana menghidangkan ayapan yang tidak sempurna masaknya. Menyinggung perasaan orang adalah *suul-adab* atau *buruk perangai*.

(7) pantang makan kepala ikan:

Ada orang *pantang makan kepala ikan*. kononnya: *barang siapa makan kkepala ikan, ia akan menjadi bodoh, bebal atau akan selalu lupa-lupa*. Ini bukan disebabkan kepercayaan sahaja, malah sesetengah ulamak mengatakan begitu.

Ada penggemar makan kepala ikan berkata: dia gemar makan kepala ikan, sekurang-kurangnya sekali per bulan; dalam tahun 1993 dia menerima 3 anugerah kebangsaan. Siapa mahu beri anugerah kepada orang bodoh? Wallahu a'lam..

## 7. makan kenduri

Selain “makan harian”, ada beberapa makan bermajlis, iaitu makan beramai-ramai yang disebut orang *makan kenduri*. Orang Melayu berkenduri kerana memenuhi beberapa hajat, umpamanya:

- (a) makan bersama kerana hendak pergi berperang.
- (b) doa selamat dan doa *tolak bala* ‘kerana hendak pergi belayar [belajar, naik haji dan sebagainya]; atau hendak memulakan sesuatu pekerjaan baik [mengkhitankan anaknya; melakukan upacara peralihan; pindah rumah baru dsb]
- (c) doa kesyukuran kerana kejayaan, walimatul-urus, hari lahir, hari ulang tahun, hari raya, betah dari sakit,

lulus peperiksaan dan yang sebagainya.

(d) doa arwah kerana mengirimkan pahala *tahlil*; memohon Allah mengampunkan dosa-dosa arwah yang ditahlilkan.

Makanan untuk kenduri itu biasanya lebih mewah daripada *makanan harian*. Kemewahan itu pula bergantung kepada status ekonomi pengenduri. Orang bertaraf “*ekonomi tinggi*”, biasanya, *membantai kerbau* untuk dijadikan lauk-pauk kenduri. Orang bertaraf “*ekonomi sederhana*” pula *menumbangkan lembu* akan lauk-pauk hidangannya. Manakala orang biasa atau orang kebanyakan hanya menyuguhkan daging kambing dan ayam, sebagai ganti *kerbau* atau *lembu* bagi orang yang berada.

Dalam tahun 1377 Masihi, beberapa hari setelah berperang dengan Majapahit, Raja Singapura, Permaisura atau Prameswara, menitahkan bendahari negara, Sang Rajuna Tapa supaya *berlabur* (memberi makan askarnya). Malangnya, Sang Rajuna Tapa yang belot itu mengatakan “beras sudah habis; tidak ada benda yang hendak dilaburkan.

Cara *makan berlabur* ialah semua orang duduk dua-dua banjar berhadap-hadapan; dibentangkan di depan mereka daun pisang; nasi dan lauk-lauknya disekalikan dibubuh di atas daun pisang itu; mereka duduk makan bersama tidak kira pangkat atau darjah.

Apabila Seri Maharaja alias Sultan Muhammad Syah naik takhta kerajaan Melaka menggantikan ayahnya, Raja Iskandar Shah, pada tahun 1424 Masihi, baginda telah memperbaiki sistem pemerintahan Melaka termasuk adat *makan bermajlis*. Adat itu menetapkan:

- (a) Raja makan sehidang seorang.
- (b) Anak-anak raja makan sehidang berdua.
- (c) Bendahara makan sehidang seorang; tetapi beliau boleh menggenapi koram anak raja, jika ada mitra makan anak raja itu yang mangkir.
- (d) Orang-orang Besar negeri duduk di balai; makan sehidang berempat mengikut taraf pangkatnya; jika mitra makannya tidak cukup, mereka harus makan dengan seberapa orang yang ada; *orang bawahan* tidak boleh menggenapi hidang *orang atasannya*.
- (e) Orang biasa (orang kebanyakan) duduk di bawah balai, makan sehidang berempat; mereka ini boleh menggenapi bilangan pemakan yang kurang mitra makannya.

Dalam zaman “demokrasi” cara makan orang biasa - iaitu *makan sehidang berempat* atau *makan sehidangan berempat* - tanpa mengira pangkat dan darjah tetamu pengenduri, masih diamalkan, walaupun ada beberapa cara lain yang telah diperkenalkan.

#### **8. bedanya kata *sehidang* dengan *sehidangan***

Pada zaman dahulu, ada *lagan* [pinggan tembikar bulat sebesar dulang atau talam] digunakan sebagai wadah penyediaan bahan-bahan dan segala bumbu untuk memasak]. *Lagan* disebut juga *pinggan hidang* kerana ia digunakan juga sebagai wadah hidangan untuk dimakan orang berempat dalam kenduri. Makan begini dikatakan: *makan berempat sehidang*.

Zaman sekarang, orang tidak lagi menggunakan *pinggan hidang*, para tetamu disuguhkan nasi di pinggan

masing-masing; dengan sehidangan lauk-pauk yang dikongsi makan orang berempat. Inilah yang dikatakan: *makan berempat sehidangan*.

Cara begini yang diamalkan orang sekarang, jika mereka mengadakan *kenduri yang konvensional*.

#### **9. jenis ayapan dan cara makan kenduri**

##### **(a) nasi putih:**

Nasi tanakan biasa; dimakan dengan lauk-pauk istimewa (mewah); dimakan *berempat sehidangan*. Pembasuh mulutnya, biasanya: *agar-agar*, *kuih manis* dan *pisang emas/rastali*. Minumannya, yang lazim ialah *teh-O*.

##### **(b) nasi padang:**

Nasi putih ditanak kukus. Lauk-pauknya masakan orang Padang - *rendang daging flembu atau kambing*, *ayam [dimasak lemak kuning cili padi]*, *ayam goreng*, *ikan goreng*, *terung goreng*, *sambal lado*, *sayur lemak*, *acar timun* dan *sup*; dimakan *berempat sehidangan*. Pembasuh mulut dan minumannya sama seperti hidangan nasi putih.

##### **(c) nasi lemak:**

Nasi ditanak dengan santan; lauk-pauknya ialah *sambal tumis udang/telur*, *berulam timun*, *kangkung goreng*, *telur dadar* dan *ikan/ayam goreng*; dimakan *berempat sehidangan*. Pembasuh mulutnya seperti yang dihidangkan pada hidangan nasi putih. Minumannya, biasanya:

*air batu bandung.*

(d) nasi ambeng (ambang):

Nasi putih yang ditambun di dulang yang dialas dengan daun pisang. Di atas tambunan nasi itu dilapik dengan daun pisang; di atas lapik itu diatur lauk-pauknya - *sambal goreng, sambal godok, terung garam-asam, tahu goreng, tempe goreng, geréh (ikan kering) goreng, ikan goreng, serunding dan ulam timun dengan sambal belacannya*. Di tengah-tengah tambunan lauk-pauk itu dibubuh sepinggan *ayam [pukal] dimasak korma atau opor*. Pembasuh mulutnya seperti yang dihidangkan pada nasi putih; dan minumannya, biasanya *teh-O*.

*Ambeng dimakan berlima sehidang.* Nasi ambeng tidak dimakan habis. Biasanya, orang *makan syarat* sahaja - tiap orang makan lima enam suap lalu berhenti. Setelah kelima-lima orang berhenti makan; nasi dan lauk-pauknya dibahagi lima; masing-masing membungkus nasinya dengan kertas berdaun pisang dan dibawa pulang sebagai “*berkat*”. Di rumahlah mereka makan berkat itu bersama dengan anak isterinya.

(e) nasi tumpeng:

Menghadiri Pertemuan Sasterawan Indonesia II di Jakarta pada 1974, kami dihidangkan nasi tumpeng di Ancol. Lauk-pauk *nasi tumpeng* kurang lebih sama dengan yang dihidangkan pada *nasi ambeng*; tetapi hidangannya berbeda. *Nasi ambeng* dilambakkkan di dulang/tampah dengan

lauk-pauknya diletakkan di lapik daun pisang di atas nasi; manakala *nasi tumpeng* ditambunkan menirus ke atas dengan lauk-pauknya di letakkan di siring tambunan nasi itu sampai ke kaki tumpeng.

*Nasi ambeng* dimakan berlima; *makan syarat* sahaja, bakinya dibawa pulang sebagai berkat; manakala *nasi tumpeng* dimakan orang beramai-ramai [tanpa koram], hingga habis. Pada *ambeng* lauk utamanya ialah *opor*; manakala pada *tumpeng* lauk utamanya ialah *gereh goreng*. *Nasi tumpeng* dijadikan juga *sesajen (sajian kepada orang halus)*; padahal *nasi ambeng* tidak.

(f) nasi bancaan (nasi keluban):

Ada semacam kenduri, khusus bagi kanak-kanak sahaja. Kenduri ini dinamakan *bancaan*. Hidangannya disebut *nasi bancaan*. Nasi putih dilambak di dulang. Lauknya: *keluban atau urap atau kerabu tauge* [kadang-kadang *urap* itu diramu dengan kacang panjang, daun bermi, daun meranti, penggaga dan lain-lain], *tauh goreng, tempe goreng* dan *ikan goreng*. *Nasi bancaan* dimakan tujuh atau lapan kekanak sedulang. Minumannya *teh-O* atau *air batu bandung*.

(g) nasi rawan dan nasi janganan:

*Nasi Rawan* biasa juga dijadikan hidangan pada “*kenduri kecil*” [kenduri antara kerabat sendiri atau jiran terdekat]; manakala *Nasi Janganan* dijadikan makanan biasa.

*Nasi Rawan* ialah nasi putih yang dimakan dengan kuah rawan [daging tetel dan tulang-tulang rawan dimasak dengan kicap berbumbu; bumbu utama bagi kuah rawan ialah *buah keluak (kepayang)* dan daun limau purut] serta lauk-lauknya: *daging kerbau goreng, dendeng, tempe goreng, ikan bilis basah bergoreng telur atau tamban bergoreng tepung* dan ulamnya yang terpenting ialah *kecambah kacang hijau dengan sambal belacannya*].

*Nasi Janganan* ialah nasi putih yang dimakan dengan *janganan* - sesetengah orang menyebutnya *pecal* [padahal: *janganan* bukan *pecal*] dan *ikan tamban bergoreng tepung*. *Nasi janganan* lumrah dijadikan sarapan ‘berat’.

*Janganan* ialah sayur-sayuran rebus [*tauge, kangkung, kobes, pucuk ubi, kacang panjang*] dicampur dengan *tahu goreng, tempe goreng*, dan *dikuahi sambal kacang*; manakala *pecal* ialah *ikan pari; ikan keli atau sembilang* dibakar, dikuahi dengan *sambal bersantan yang dilecek dengan bawang bakar*.

(h) nasi minyak dan nasi beryani:

Untuk jamuan walimah, orang suka menghidangkan *nasi minyak* atau *nasi beryani* - nasi yang ditanak dengan minyak sapi dan bumbunya. Lauk-pauknya tidak beraneka seperti *nasi ambeng* atau *nasi padang*. *Nasi minyak* dan *nasi beryani* dimakan *berempat sehidang*.

*Nasi minyak* dimakan dengan lauk: *kari daging, kurma ayam, dalcar, acar* dan *pacri*. Pembasuh mulutnya ialah *tairu, pisang* dan *gula*. Orang makan *nasi minyak*, sekurang-kurangnya bertambah tiga kali.

- Nasi yang mula-mula dihidangkan dimakan dengan *kari daging*;
- Tambah nasi pertama dimakan dengan *kurma berulamkan acar*;
- Tambah kali kedua dimakan dengan *dalcar* dan *pacri*;
- Tambahan terakhir nasi digaul dengan *tairu, pisang* dan *gula* dijadikan pembasuh mulut.

*Daging beryani* dimasak bersekali dengan nasinya, lauk-lauknya dimakan menurut selera, tidak bergilir-gilir seperti *nasi minyak*. Pembasuh mulutnya ialah *bubur suji*.

Minuman bagi *nasi minyak* dan *nasi beryani*, biasanya: jus buah-buahan seperti *air limau, air oren, air mangga* dan yang sebagainya.

(i) nasi bersaperah:

Menghadiri Dialog Borneo-Kalimantan di Pontianak, Kalimantan Selatan pada 1995, kami sempat singgah di Sambas. Di sana kami dijamu *makan bersaperah*. *Nasi bersaperah* dimakan *berenam sehidangan*. Nasinya, nasi putih biasa,

dibubuh dalam ceting beralas daun pisang untuk dikongsi orang berenam; tetapi lauknya [*gulai, sayur, rendang, ayam/ ikan goreng, telor asin*] disuguhkan masing-masing sehidangan; lengkap dengan secawan teh, sebiji *oren/pisang ambon* dan *batil basuh tangan*.

Majlis dimulai dengan membaca *marhaban*, puji-pujian ke atas Nabi, kemudian diikuti doa selamat, barulah *makan bersaperah* dilaksanakan.

#### 10. hidangan berkacuk

Tinggal di bandaraya berbaur dengan pelbagai masyarakat telah menjejas pemakanan orang Melayu, sama ada pada *makan harian* atau *makan kendurinya*. Pemakanan termasuk *hidangan* dan *cara memakannya*. Dijadikan makanan Melayu, pemakanan asing itu *dimodify* (diubah-suai) sesuai dengan pancarasa dan ditambah dengan lauk-pauk Melayu. Maka itu hidangan begini dikatakan *hidangan berkacuk*.

Sifat bandaraya yang serba *pesat, cepat* dan *tepat* telah mengubah tabiat *gotong royong* Melayu yang mendukung falsafah “*bak aur dengan tebing, saling sandar menyandar*”, telah menjadi tabiat *kendiri* yang terdorong falsafah “*bagai enau dalam belukar; melepaskan pucuk masing-masing*”..

Gotong royong menyedia dan menghidangkan ayapan kenduri - terutama untuk kenduri walimah - sudah banyak berkurang; sudah banyak pengenduri yang menggunakan *perkhidmatan caterer* (*peniaga yang membekalkan ayapan*). Maka relawan yang masih kelihatan di majlis-majlis walimah pada masa ini ialah *penanggah* untuk menyambut dan

membantu tetamu mendapatkan tempat duduk dan menghidangkan minuman.

Oleh sebab ada *caterer* yang bukan Islam, maka MUIS (Majlis Ugama Islam Singapura) telah berusaha memeriksa makanan yang disediakan gerai dan restoran bukan Islam yang berurus-niaga dengan pelanggan Islam, kemudian mengeluarkan *sijil halal* [mengesahkan yang makanan itu halal] kepada pembekal-pembekal makanan itu.

(a) nasi ayam:

Berasal dari makanan orang Cina, nasi itu ditanak dengan sup [air rebusan ayam] dan bumbunya; dimakan dengan “*ayam barnis*” [ayam rebus yang digoreng disapukan semacam kicap], *sambal cuka* dan *lalap timun, tomato dan daun salad*.

Apabila dijadikan ayapan kenduri, biasanya, lauk *nasi ayam* itu ditambah dengan lauk pauk Melayu seperti *bergedil, tempe goreng* dan yang seumpamanya. Dalam kenduri, *nasi ayam* dimakan *berempat sehidangan*. Basuh mulut dan minumannya sama seperti kenduri nasi putih juga.

(b) makanan laut:

Sudah banyak orang mengadakan walimah dengan menghidangkan makanan laut ala Cina. Hidangan ini, biasanya, dijadikan ayapan *menggabi* (*jamuan makan malam*). Ayapan dimakan *sepuluh orang sehidang (semeja)*. Hidangan disuguhkan *hidang-demi-hidang* (*course-by-course*) sehingga sepuluh atau lapan hidangan.

Hidangan pertama biasanya *makanan sejuk* (termasuk *popia-mini*, *sotong kering*, *skrambel telur & ketam dan telur hitam*); hidangan kedua ialah *sup sirip yu* [sebagai *umpang tekak*]; seterusnya diikuti hidangan *ayam goreng garing*, *daging (lembu) masak kicap*, *sayur-sayuran (capcoi)*, *ketam atau ikan masam manis*, *sup steam-boat*, *udang goreng* dan lain-lain; hidangan diakhiri dengan *mihun* atau *nasi goreng ala Cina*. Pembasuh mulutnya sama ada buah-buahan segar atau *cocktail buah-buahan*. Kadang-kadang dihidangkan pembasuh mulut Melayu - *bubur sagu*, *sagu bersantan & gula melaka*, *cendol* atau *bubur pulut hitam*. Minumannya ialah teh cina (*Chinese tea*) atau minuman bersoda; minuman ini diedarkan sepanjang waktu makan yang memakan masa kira-kira tiga jam.

(c) *makan prasmanan (buffet)*:

Dalam bahasa asing *buffet* itu bermakna 1: *pukul, memukul, pukulan* atau yang berkenaan dengan pemukulan. 2: sejenis meja tempat diaturkan pelbagai makanan dan minuman, di hotel. Makanan dan minuman itu boleh dibeli dan dimakan di situ hingga kenyang dengan satu bayaran yang tertentu.

Makna *buffet* yang ke-2 itu sama dengan makna *prasmanan* dalam bahasa Melayu/Indonesia. Sekarang, sudah ramai orang mengadakan walimatul-urus dengan jamuan prasmanan ini - sama ada di hotel, di rumah sendiri atau di balai/dewan yang tertentu. Ayapan yang dihidangkan, boleh jadi *nasi putih* [dengan lauk ambeng,

*padang, rawan dsb], nasi minyak atau beryani atau apa sahaja. Namun, *makanan laut* belum pernah dijadikan ayapan prasmanan.*

Pengenduri hanya menyambut sambil mempersilakan para tetamu mengambil makanan [memilih sendiri semahunnya] lalu memakan [sepantasnya hingga kenyang] di tempat duduk yang disediakan. Lepas makan tetamu akan mendapatkan pengundangnya, ber”*salaman*” lalu meninggalkan majlis. Begitu mudah sekali.

Makan prasmanan ini dilakukan juga bagi majlis-majlis perjumpaan umum, misalnya: *mesyuarat agung pertubuhan-pertubuhan, pertemuan hari raya, majlis hari jadi, majlis ulang tahun, majlis rumah terbuka, majlis house-warming* dan yang sebagainya.

(d) *majlis téambahun (hi-tea)*:

Yang mutakhir, orang Melayu sudah mula membudayai *majlis téambahun* [yang dalam bahasa asing disebut *hi-tea*]. Kekata *tenambun* itu merupakan akronim bagi kata *teh + tambun* kerana *majlis tenambun* itu mirip dengan *menambun* [baca makalah fasil 2 (ketiga)].

*Tenambun*, biasanya diadakan pada hujung minggu [lazimnya hari Sabtu], mulai kira-kira 02:30 hingga 05:30 petang. Selain cemilan dihidangkan juga makanan *semi-berat* [misalnya *mi siam*, *gado-gado*, *sandwic* dan seumpamanya]. Jamuan terhidang secara prasmanan. *Majlis tenambun* diadakan untuk memancing minda (*nancang fikir*) sama ada

berupa majlis *taklimat, dialog, forum, ceramah* yang dilaksanakan dalam keadaan santai sambil makan-makan.

Sejauh ini, *majlis menambun* diadakan di hotel-hotel.

## 11. peranan bubur dalam kenduri

Ada empat macam bubur yang terpakai dan memberi *makna (significance)* dalam beberapa macam kenduri, iaitu:

### (a) bubur putih bubur merah:

*Bubur putih bubur merah* menjadi sekurang-kurang ayapan bagi kenduri. Bagi pengenduri termiskin, *butih-burah (bubur putih bubur merah)* disuguhkan sebagai ayapan kenduri; tetapi bagi pengenduri yang mampu *butih-burah* disuguhkan sebagai suguhan utama. *Butih-burah* disuguhkan sepiring pada tiap hidangan; ia mesti dijamah dahulu sesudu seorang, sebelum para pemakan memakan ayapan kendurinya.

*Butih-burah* terbuat daripada beras atau pulut - lebih banyak orang suka mem- buatnya daripada beras kerana bubur beras lembut, manakala pulut agak liat; kebetulan harga beras lebih murah daripada harga pulut. *Butihnya* disantani, dan *burahnya* dimerahi gula melaka. Jadi merahnya bukan merah bunga raya tetapi *merah gula melaka*. *Butih-burah* mengandungi empat unsur pelambang: warna putih, warna merah, rasa lemak dan rasa manis.

*Yang putih* melambangkan roh (semangat) atau jiwa yang suci, *ikhlas* dan *pasrah*. *Yang merah*

melambangkan darah, raga (tubuh) yang *sihat, bertenaga*. *Yang lemak* melambangkan *bahagia, jaya* yang hendak diraih sepanjang hayat Dan *yang manis* melambangkan *perilaku, moral* atau *akhlik yang baik*; yang menentukan keharmonian masyarakat.

Dari segi *adat yang dua terepar*: yang putih melambangkan *jalan yang kerana Allah*, dan yang merah melambangkan *jalan yang kepada dunia*. Dari segi:

*Adat bersendi syarak;*

*Syarak bersendi kitabullah;*

*Syarak mengata adat memakai,* maka *butih* yang bulat di atas *burah* itu melambangkan *syarak (jalan yang kerana Allah - yang mengenai syahadat, solat, zakat, puasa dan haj; yang merangkum aqidah, akhlak dan ibadah)*, dan *burah* melambangkan *adat (jalan yang kepada dunia - yang tersimpul dalam pelambang: gong dan canang, makan minum [sandang dan pangan] dan semenda menyemenda)*.

### (b) bubur sumsum:

*Bubur sumsum* terbuat daripada tepung beras; dimakan dengan air gula.

*Bubur sumsum* tidak dijadikan ayapan kenduri, tetapi dibuat lepas kenduri - terutama kenduri walimah - untuk diberi makan kepada penanggah dan relawan yang telah menyumbang tenaga menjayakan majlis kendurinya.

Khabarnya, setelah diberi makan *bubur sumsum* itu, segala penat lelah, letih lesu dan sengal-sengal

tulang sang perewang, kesan daripada kerja keras beberapa hari membantu kerja kahwin pengenduri, segera hilang, dan tenaga relawan itu segera pulih seperti sediakala. Wallahu a'lam..

(c) **bubur caca:**

Bukan *bubur caca* yang berwarna, sebesar dua kali beras.

*Bubur caca* ini terbuat daripada tepung pulut yang digentel sebesar jari kelingking. *Caca* dibubur dengan santan dan gula melaka. *Bubur caca* ini dijadikan antara hidangan yang disuguhkan dalam kenduri *lenggang perut*.

*Lemak* dan *manis* dalam *bubur caca* ini mengungkap lambang mengharapkan *keselamatan, kebahagiaan dan kebajikan* seperti yang dilambangkan *butih-burah* tadi.

(d) **bubur suro ('asyura):**

*Bubur asyura* ialah bubur nasi dimasak lemak dengan kuah berempah sup. *Bubur asyura* dimasak bercampur dengan kekacang [biasanya: *dal, kacang tanah*] dan daging. Kekadang dicampur dengan juga keledek, keladi dan kismis. Khabarnya, bubur campur-campur begini mengambil sempena makanan yang dilabur kepada tentera Hasan-Husin, cucu Rasulullah, ketika mereka kehabisan bekalan makanan dalam peperangan Karbala.

*Bubur asyura* dimasak pada tiap 10 haribulan Muharram. Tidak dijadikan ayapan kennduri, tetapi *bubur* itu dibahagi-bahagikan kepada jiran sekampung semangkuk seorang.

Dalam bulan puasa, bubur seperti ini dimasak di masjid-masjid, dibahagi-bahagikan kepada umum untuk berbuka puasa. Bubur yang dibahagi-bahagikan masjid ini cair tidak pekat seperti *bubur asyura*.

## 11 bahasa “makan”

**Makan** ialah proses memasukkan *makanan* ke dalam mulut, memamah, melumatkan dan menelan *makanan* itu masuk sampai ke perut.

(1) Dalam bentuk eupemia, **makan** disebut juga *ayap* [*makanan = ayapan*] jika yang makan itu orang biasa; tetapi jika yang makan itu keluarga diraja yakni kaum bangsawan maka **makan** itu disebut *santap* [*makanan = santapan*].

(2) Dalam bentuk disfemia pula, kadang-kadang **makan** disebut dengan kata *cekik, bedal, lantak* atau *muntahkan darah..* misalnya yang disebut dalam karmina:

*bukan memapan - menarah,  
bukan memakan - muntahkan darah..*

(3) Dalam bentuk polisemi, **makan** memberi makna:

**mangsa** - misalnya yang tersebut dalam pepatah petith: *si bodoh makanan si cerdik; si lemah makanan si gagah.*

**lut atau tembus** - misalnya yang tersebut dalam wacana seperti: *pendekar itu kebal tidak makan ditikam atau dipancung.*

terkesan - misalnya yang tersebut dalam wacana: *dengan memakai baju kalis peluru ini, badan kamu tidak akan dimakan peluru.*

mengalahkan atau menewaskan - misalnya yang tersebut dalam wacana: *walaupun tubuhnya tampak kecil, bukan mudah hendak makan dia.*

(4) Dalam bentuk *simpulan bahasa* kekata **makan** banyak memberikan maknanya yang tersendiri, misalnya:

*makan angin* = bersiar-siar; melihat-lihat daerah asing; [sekarang = *melancong*]

*makan angkat* = tabiat suka dipuji; kena puji semua beri.

*makan bara* = pendusta; sukar dipercayai perkataannya.

*makan benak* = mengambil untung berlebih-lebihan.

*makan berdamai* = makan beristiadat bagi suami-isteri baru turun pelamin.

*makan besar* = perjamuan makan yang mewah lagi anggak.

*makan bulan* = kelapa yang tak penuh isinya [Jawa: *kopyor*]; kelapa manis.

*makan bunga (makan riba')* = mengambil keuntungan haram.

*makan cabai (makan cili; makan lada)* = terasa berbuat salah.

*makan cuka* = terlalu cemburu.

*makan darah* = menyakitkan hati; menimbulkan kemarahan orang.

*makan dawai (makan kawat; makan jangat)* = terlalu miskin; papa kedana.

*makan diri* = 1 badan rosak kerana sedih. 2 benda rosak

kerana lama disimpan.

*makan duit (makan suap)* = menerima rasuah; menerima wang sogok.

*makan gaji (makan upah)* = bekerja dengan menerima gaji (upah).

*makan garam* = lama hidup; banyak pengalaman.

*makan hati* = menanggung rasa dukacita kerana perilaku seseorang.

*makan kawan* = mencelakakan kawan, rakan atau teman-teman sendiri.

*makan keringat bini* = suami yang tidak bekerja, hidup dengan hasil isteri.

*makan masa* = terlalu lama; berjam-jam; berhari-hari; berbulan-bulan..

*makan nasi kawah* = jadi kuli (buruh) kontrak.

*makan pakai* = 1 sesuai memakai segala macam pakaian. 2 *sandang pangan*.

*makan pangkal* = menanggung kerugian; tak balik modal.

*makan sumpah* = terlaanat; terkutuk kerana bersumpah palsu.

*makan tanah* = 1 jatuh tersungkur. 2 terlalu miskin.

*makan tangan* = 1 mendapat untung tanpa diduga. 2 kena tumbuk.

*makan tanggung* = makan minumnya ditanggung orang lain; *parasite (pasilan)*.

*makan tidur* = 1 dalam keadaan senang. 2 malas; tidak mau bekerja).

*makan ransum (makan kotai)* = makan yang dicatu.

*makan waktu* = melepaskan waktu [solat] - mis: sembahyang subuh waktu dhoha.

(5) Dalam peribahasa kekata **makan** banyak

digunakan, antaranya ialah:

*makan boleh sebarang makan; cakap jangan sesedap lisan.*  
*makan bubur panas-panas.*  
*makan di luar berak di dalam.*  
*makan hati berulam jantung.*  
*makan masak mentah.*  
*makan nasi suap-suapan, tetapi menyambut puan kosong.*  
*makan upas berulam racun.*  
*makanan enggang hendak dimakan pipit.*  
*siapa makan lada (cili) dia lah terasa pedas..*

(6) Dalam karmina, kekata **makan** sering juga digunakan, misalnya dalam karmina seperti:

*pucuk leban gading gajah;*  
*kerja segan makan gagah..*  
 *yang wajib, yang mustahil;*  
*makan wajib minum air..*

(7) Dalam pantun pula, kekata **makan** banyak digunakan, umpamanya dalam pantun seperti:

*Sorong papan tarik papan,*  
*Buah keranji dalam perahu;*  
*Suruh makan engkau makan,*  
*Suruh mengaji engkau tak mahu.*  
 *Makan manggis dengan bijinya,*  
*Daun miana di atas loyang;*  
*Kerana manis hati budinya,*  
*Bagaimana hati takkan sayang?*

*Makan sirih tidak berkapur,*  
*Sayang emas disangka suasa;*  
*Kukira tuan orang nan jujur,*  
*Rupanya tuan racun yang bisa!*

\* Sekian.

---

• Penulis ialah Budayawan Negara, Ketua Satu ASAS '50 dan anggota Majlis Bahasa Melayu, Singapura.

## **MUTIARA PADA TELINGA BUDI, PERMATA PADA CINCIN HATI**

Penggunaan Bahan Sastera dalam Pengajaran Sivik,  
Moral dan Pendidikan Kebangsaan.

- oleh Dr Hadijah Rahmat

### **KONSEP PEMBANGUNAN DIRI**

Matlamat asas sesuatu program pendidikan ialah untuk mendidik, mengasuh atau membangunkan diri seseorang dalam pelbagai aspek yang membentuk diri atau keperibadiannya sebagai insan atau manusia. Pada dasarnya ada empat aspek yang menjadi perhatian objektif pendidikan:

- i. Jasmani atau fizikal
- ii. Akal, minda atau kognitif
- iii. Hati, emosi atau Afektif
- iv. Rohani atau Spiritual

Di antara ciri-ciri jasmani yang diinginkan ialah tubuh yang sempurna, sihat, cergas, gagah, tampan, jelita, menawan dan lain-lain lagi. Pada umumnya, manusia menginginkan tubuh yang SIHAT dan MENARIK. Aspek kognitif, taakulan atau minda telah mendapat perhatian utama dalam sistem pendidikan. Seorang yang dianggap berjaya ialah seorang yang

bijak, pandai, cerdik, arif, cerdas, bistari atau tajarn akalnya; yang lebih dikenali sebagai IQ (intelligence quotient). Sementara ciri akaliah yang tidak dingini dan cuba diatasi ialah akal yang bodoh, bebal, dungu, tolol, lembab, terencat atau cacat akalnya.

Sementara Aspek emosi atau hati seseorang yang diutamakan, khususnya dalam program pendidikan moral ialah: baik, jujur, penyayang, pemurah, aman, tenang, bahagia, peka, ambil berat serta bertanggungjawab. Ini bertentangan dengan sifat hati yang dibenci seperti jahat, irihati, hasat, pemarah, pembenci, lokek, kedekut, boros, gelisah, resah, dukacita, kecewa, tidak puas, kesal, dendam, cengeng, tidak peduli dan banyak lagi sifat hati yang negatif. Pada umumnya ciri hati yang dimuliakan ialah hati yang BAIK. Aspek ini diistilahkan sebagai EQ (emotional quotient).

Satu lagi aspek ialah dari segi Rohani atau spiritual, yang termasuk dalam lingkungan falsafah, agama atau sistem kepercayaan yang abstrak atau metafizika. Manusia memang mempunyai keperluan dari segi rohani yang perlu diisi dengan sempurna. Rohani yang mulia ialah apabila seorang insan merasakan dia mempunyai suatu kepercayaan yang kukuh, beriman, taqwa dalam melakukan ibadah atau tuntutan agamanya, tawakal, tawaduk dan suci. Sebaliknya insan yang tidak mempunyai kepercayaan rohani yang utuh, akan merasa kekosongan, ragu, riak, was-was, bongkak, takbur dalam tafsiran dan tindak tanduknya. Dari segi Islam, seseorang yang mempunyai rohani yang baik atau positif ini dianggap sebagai manusia BERIMAN.

## KEUNGGULAN BUDI DAN MANUSIA BUDIMAN DALAM BUDAYA MELAYU

Dalam budaya Melayu, pembangunan diri dalam pelbagai aspek ini juga diberi perhatian. Menurut falsafah budaya Melayu, manusia yang unggul yang diidam-idamkan oleh masyarakat ialah orang yang BERBUDI atau yang dianggap manusia BUDIMAN.

*“Budi adalah perkataan Sanskrit, bererti asas-hikmah, dan di dalam ilmu kejawen, budi diibaratkan sebagai pelita atau obor, yang menyinari jalan yang ditempuh oleh manusia”* (R.Paryana Suryadipura 1993, dalam Norazit Selat dan Zainal Abidin Borhan 1996:28)

Menurut Zainal Kling (1995), manusia Melayu melihat rupa dan paras jiwa ituberbentuk budi, iaitu satu peribadi yang mengandungi akal dan rasa. Konsep budi sebagai ‘alam jiwa’ terdapat di dalam gagasan budidaya atau budaya. Budi adalah alam jiwa dan daya adalah geraklaku fizikal. Peribadi Melayu berwajah budi yang mengandungipersoalan akal dan rasa. Budi dianggap sebagai struktur dalaman Melayu atau struktur batiniah yang terpancar dari satu Hikmah yang tertinggi (Tuhan).

Bijak pandai Melayu dan penguasa adat dahulu telah menyusun dan mengkategorikan konsep budi bukan sekadar sebagai struktur dalaman tetapi juga dapat digunakan di dalam hubungan sosial.

*“Budi mempunyai rumpunnya atau gugusan yang bersiratan iaitu akal-budi, hati-budi, budi-bicara, budi-bahasa, budi-pekerji. Gugusan budi atau rumpun budi (Budi*

*complex) dapat pula dibahagikan kepada dua yang bersiratan antara satu sama lain, ibarat kulit dengan isi, luar-dalam, lahir-batin, jasmani-rohani. Kulit, luar, lahir, jasmani merupakan struktur luaran (surface strucure) atau permukaan, fizikal, material,fisi, meliputi persoalan budi-pekerji dan budi-bahasa. Isi, dalam, batin, rohani merupakan struktur dalaman (deep structure) meliputi akal-budi, hati-budi, dan budi-bicara...*

*Gugus budi tersebut dimanifestasikan di dalam satu gugusan hubungan sosio-budaya dan spiritual yang meliputi: berbudi kepada Tuhan (Allah); berbudi kepada bangsa dan tanahair; berbudi kepada tanah (alam); berbudi kepada masyarakat dan budaya, berbudi kepada keluarga, dan berbudi kepada diri sendiri....*

*Penerapan nilai budiman bertujuan untuk melahirkan manusia Melayu yang halus, berhati mulia, berakal, bijaksana, beradat, beradab, tahu membala budi,cukup ajar dan sebagainya. Budi dan budiman ialah teras humanisme, moraliti, dan etika Melayu, yang berpaksikan ketuhanan (ketauhidan) yang mampu meletakkan manusia ke darjat, harkat dan martabat tertinggi.*

*Manusia Melayu yang memiliki nilai dan berorientasikan budi disebut sebagaimanusia budiman yang melambangkan a total personality, a perfect gentleman. Darikonsep manusia budiman inilah lahir masyarakat budiman. Konsep budi dan budiman inilah teras kemanusiaan Melayu yang bukan sahaja self-centred, man-centred, tetapi juga berpaksikan ketuhanan (God-centred)”* (Norazit Selat dan Zainal Abidin Borhan 1996:29-31).

## PROGRAM PELAJARAN SIVIK DAN MORAL DI SINGAPURA

Pelajaran Sivik dan Moral telah mengalami beberapa perubahan selaras dengan perubahan dalam sistem pendidikan di Singapura. Pada tahun 1990 pihak Kementerian Pendidikan telah menyemak semula sukanan pelajaran sivik dan moral yang telah digunakan sejak tahun 1984. Matlamat atau objektif Pendidikan Sivik dan Moral yang baru ialah seperti berikut:

**“Mengasuh seseorang supaya menjadi sempurna dengan pegangan nilai moral yang kuat dan hubungan baik antara perseorangan serta dapat memberi sumbangan kepada kesejahteraan masyarakat”** (Sukanan Pelajaran Sivik dan Pendidikan Moral 1991:31)

Sukanan baru ini juga menekankan tiga unsur moral yang dianggap sebagai ciri-ciri pembentukan tingkah laku: Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap. Perihal pentingnya ketiga unsur tersebut telah dijelaskan seperti berikut:

*“Seseorang yang mempunyai sikap ingin menolong tetapi tidak mempunyai pengetahuan atau kemahiran yang diperlukan untuk menolong akan sia-sia sahaja usahanya itu. Sebaliknya seseorang yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran tetapi tidak terdorong untuk membantu insan yang lain mempunyai sikap yang negatif: Unsur sikap juga penting dalam proses penyemaian nilai moral’* (Abbas Mohd Shariff 1996:92)

Sukanan Pelajaran yang baru ini juga menekankan TEMA yang bermula dengan Diri, kemudian Keluarga, Sekolah, Masyarakat dan seterusnya Negara. Pihak

Kementerian juga telah menyenaraikan 35 konsep moral yang diperkenalkan sejak kanak-kanak ini di peringkat sekolah rendah dan ini digabungkan dengan lima Nilai Susila Rakyat yang menjadi asas pembentukan jatidiri warga negara Singapura. Lima Nilai Susila Rakyat ialah:

- i. Negara mendahului kaum, masyarakat mendahului diri
- ii. Keluarga tunjang masyarakat
- iii. Sokongan masyarakat dan penghormatan kepada individu
- iv. Permuafakatan bukan pertikaian
- v. Keharmonian kaum dan agama

Di samping nilai susila tersebut, lima buah Nilai Keluarga telah dikenalpasti dan ingin diterapkan dalam pendidikan moral:

- i. kasih sayang dan prihatin
- ii. Saling menghormati
- iii. Tanggungjawab kepada yang tua
- iv. Komitmen
- v. Komunikasi

Untuk mencapai objektif pendidikan sivik dan moral tersebut, pendekatan-pendekatan berikut telah dicadangkan:

- i. Pendekatan Penerapan Budaya (Cultural Transmission Approach)
- ii. Pendekatan Bertimbang Rasa (Consideration Approach)
- iii. Pendekatan Penjelasan Nilai (Values Clarification Approach)

- iv. Pendekatan Perkembangan Kognitif (Cognitive Developmental Approach)

## **SEJARAH, JATIDIRI SINGAPURA DAN PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

Pendidikan Kebangsaan telah dilancarkan pada 17 Mei 1997, oleh Pemangku Perdana Menteri, BG. Lee Hsien Loong. Di samping teknologi maklumat (IT) dan Pemikiran Kritis dan Kreatif, Pendidikan Kebangsaan merupakan satu lagi perkembangan terbaru dalam sistem pendidikan Singapura yang akan melibatkan semua tahap pendidikan di sini, yang menuntut perhatian dan sokongan bukan sahaja para guru atau pendidik di sekolah, bahkan juga semua anggota masyarakat untuk memahami dan menjayakan cita-cita dan aspirasi negara untuk melahirkan rakyat generasi baru Singapura yang kukuh jatidiri kebangsaannya.

Apakah objektif khusus Pendidikan Kebangsaan ini?

**“Pupils must know our common history, vulnerabilities and constraints. They must develop a sense of a shared identity and destiny, the instinct to defend Singapore’s national interests, and the resolve and confidence to stand together as one people, to overcome threats and challenges.**

**Education helps to preserve our cultural roots. Our pupils ought to know their own cultural heritage and mother tongue. At the same time they must learn to understand and respect the different racial, religious, cultural and language backgrounds of their fellow citizens.”** (“Moulding the Future of Our Nation”, The Singapore Education Service, MOE )

Melalui Pendidikan Kebangsaan, setiap pelajar mesti mengetahui sejarah, kerapuhan dan keterbatasan negara. Mereka juga dikehendaki berkongsi jatidiri dan arah hidup yang sama, mempunyai dorongan semulajadi atau naluri untuk mempertahankan kepentingan negara, dengan tekad dan keyakinan untuk bertindak bersama sebagai warga negara untuk mengatasi tantangan dan cabaran. Pendidikan juga akan mengekalkan akar budaya kita. Para pelajar kita patut mengetahui bahasa ibunda dan warisan budaya mereka. Pada masa yang sama, mereka mesti memahami dan menghormati latar belakang kaum, agama, budaya dan bahasa warga Singapura yang berbeza.

## **PENILAIAN BAHAN DAN PENDEKATAN PENGAJARAN**

Pendidikan sivik dan moral telah dijalankan di sekolah-sekolah dengan bantuan bahan-bahan dan alatan mengajar yang disiapkan oleh Institut Pengembangan Kurikulum (CDIS). Kumpulan Projek “Rakyat Yang Baik” (Good Citizens Project Team) telah ditubuhkan pada tahun 1990 untuk menggantikan projek “kejadian dalam Pembentukan” (Being and Becoming. Sejauh ini Kumpulan Projek ini telah menghasilkan 12 buah bukuteks (darjah 1-6); 12 buah buku latihan kerja (darjah 1-6); 12 Buku Panduan Guru (1-6); 12 buah Buku Besar (darjah 1 dan 2); 12 buah bahan-bahan Audio Visual (1-6) dan 72 program ETV.

Menurut penelitian saya terhadap bahan-bahan tersebut, khususnya mengenai buku-buku teks yang dihasilkan, bahan-bahan tersebut memang baik dan amat berguna untuk mendedahkan para pelajar di sekolah rendah terhadap nilai-nilai yang ingin dicapai dalam sukanan pelajaran sivik dan

pendidikan moral. Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan yang boleh dibaiki lagi demi mempertingkatkan mutu pengajaran moral di sekolah-sekolah:

- i. Bahan-bahan tersebut hanya memberi pendedahan awal dan kurang kedalaman (intensity)
- ii. Bahan dan pendekatan yang diambil untuk membincangkan tema dan nilai agak terlalu unggul dan mudah (idealistik dan simplistik)
- iii. Ia lebih bercorak mengarah, terlalu didaktik, lebih bersifat dari Atas-ke-Bawah (Top-down approach/attitude)
- iv. Amat kurang unsur penghayatan yang mendalam

## **BAHAN SASTERA DALAM PENGAJARAN SIVIK DAN MORAL**

Selain bahan-bahan yang disiapkan oleh pihak CDIS, para guru perlu menggunakan bahan-bahan sastera untuk menjadikan pengajaran sivik, moral dan pendidikan kebangsaan lebih berkesan. Bahan atau karya sastera, samada karya klasik atau moden, boleh menjadi daya penarik semulajadi kepada pendengar atau pembacanya kerana ciri-ciri kesusasteraannya. Sebenarnya karya sastera, dalam bentuk cerita lisan atau sastera rakyat, adalah bentuk atau saluran pengajaran moral yang tertua dan telah teruji keberkesanannya sejak berzaman lagi. Melalui cerita dongeng rakyat, mitos dan legenda, unsur-unsur nasihat dan pendidikan moral telah disalurkan dari satu generasi ke generasi yang lain, dan ini telah membentuk sistem nilai dan kebudayaan masyarakat yang melahirkannya.

Karya sastera dapat berfungsi sebagai alat dan bahan pengajaran yang berkesan kerana pemaparan dan kupasan isi atau temanya yang lebih realistik dan mencerminkan kehidupan dan keinginan masyarakat serta kemampuannya mengisi naluri dan citarasa semulajadi manusia yang inginkan sesuatu yang penuh imaginasi dan keindahan bahasa dan teknik penyampaiannya. Ciri-ciri sastera yang unik ini membolehkan para anggota masyarakat terbanyak mudah menghayati dan seronok menikmatinya.

Dalam kesusasteraan Melayu tradisional cerita-cerita rakyat bercorak teladan, cerita jenaka, cerita lipur lara dll. cukup popular dan juga bentuk puisi seperti pantun, peribahasa, pepatah, gurindam, seloka, syair dll., telah tersebar luas di kalangan masyarakat dan telah mempengaruhi penilaian masyarakat Melayu terhadap kehidupan.

Perhatikan petikan tulisan Abdul Samad Ahmad, penulis, budayawan dan sejarawan ulung Melayu, dalam bukunya, *Sejambak Kenangan*, mengenai kesan cerita-cerita rakyat atau karya sastera yang didengar daripada “wan” (datuknya) semasa kecil yang mempengaruhi kelakuan dan pembentukan nilai moralnya:

*“Di antara berbagai cerita dari wanku iu, yang sungguh-sungguh berkesan di hati ialah “Cerita Batu Belah Bau Bertangkap”. Adalah menjadi kebiasaan bagi wanku, apabila selesai menceriakan sesuatu cerita, ada-ada sahaja pesanan atau ingatannya kepada kami cucu cucunya: misalnya dalam cerita tersebut, diingatkannya kepada kami supaya jangan melanggar atau membantah cakap emak. Kalau emak suruh, ikut betul-betul; buat apa juga yang emak suruh buat. ‘Tengok Si Bunga Melor,’ katanya, “sebab dia*

*tak ikut betul-betul cakap emaknya, suruh simpankan dia telur tembakul itu, sudahnya jadi kempunanlah emaknya, lalu menyerah diri pada Batu Belah!*

*Cerita "Batu Belah Batu Bertangkup" ini seolah-olah menjadi tangkal pula bagi mencegah aku daripada membuat nakal atau degil semasa kanak-kanak dahulu. Kalau aku melakukan sesuatu kenakalan atau bersikap degil, begitu juga ketika adik-adikku menangis atau meragam, bila sahaja ibuku menyebut hendak pergi mendapatkan Batu Belah, dengan seketika itu juga, segala kelakuan yang tidak disukai oleh ibuku itu terhenti.* (A. Samad Alunad 1981:16)

Sesungguhnya bahan sastera telah dan boleh mempengaruhi nilai hidup seseorang. Sejauh manakah bahan-bahan sastera digunakan dalam pengajaran disekolah hari ini? Sudahkah bahan-bahan ini diterapkan dalam buku teks dan digunakan sewajarnya?

Memang unsur-unsur sastera ada diterapkan dalam buku-buku teks yang telah disiapkan oleh CDIS, seperti pantun, lagu, rap dan drama (audio dan etv). Ini amatlah baik dan dialu-alukan. Tetapi unsur-unsur sastera ini masih kurang dan perlu diteroka dan digunakan sepenuhnya.

Masih banyak lagi bahan sastera Melayu yang baru dan tradisional yang sesuai, masih relevan dan boleh dimanfaatkan sepenuhnya dalam pengajaran nilai-nilai diri, keluarga, masyarakat dan susila rakyat yang diidamkan. Sudah sewajarnya tumpuan dan usaha yang lebih besar dan teratur difikirkan ke arah itu. Misalnya, suatu senarai panduan yang lebih lengkap perlu disiapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan untuk memilih bahan-bahan sastera yang sesuai

untuk mengajar nilai-nilai yang tertentu yang telah dikenalpasti dalam sukanan pelajaran moral atau pendidikan kebangsaan, sebagai bahan bacaan tambahan kepada buku-buku teks yang telah disediakan. Sekadar langkah awal, beberapa contoh karya sastera berikut disarankan:

### **NILAI DIRI**

- |            |  |
|------------|--|
| KEBERANIAN | - <b>Kisah Singapura Di Langgar Todak</b><br>oleh A.Samad Ahmad (1981) |
| KEYAKINAN  | - Novel <b>Di Simpang Jalan</b> oleh A.Samad Said (1980)               |
| KEPINTARAN | - Novel <b>Sayang Si Tina</b> oleh Ali Majod (1982)                    |
| HARGA DIRI | - Novel <b>Bintang Harapan</b> oleh Abdul Ahmad (1975)                 |

### **NILAI KELUARGA**

- |               |  |
|---------------|--|
| KASIH SAYANG  | - <b>Batu Belah Batu Bertangkup</b><br>oleh A Samad Ahmad (1983)<br><b>Jong Batu</b> oleh Harun Aminurrashid (1967)<br>Novel <b>Ibu Yang Kusayang</b> oleh Sh. Hasnah Abdullah (1979). |
| TANGGUNGJAWAB | - <b>Bawang Putih Bawang Merah</b><br>oleh Buyong Adil (1959)  |

### **NILAI MASYARAKAT**

- |          |   |
|----------|---|
| MUAFAKAT | - Novel <b>Menangkap Perompak Mini Geng</b> oleh MAS (1978) |
|----------|---|

## KEHARMONIAN KAUM

- Novel **Kanak-Kanak Kampung Bahagia** oleh M.Balfas (1967).

## NILAI NEGARA

### KESETIAAN, PATROTISME

- Laksama Tun Tuah oleh A.Samad Ahmad (1981),
- Novel **Pahlawan Pasir Salak** oleh M.Ismail Sarbini (1982),
- Novel **Merdeka! Merdeka!** oleh A.Rahman Hanafiah (1982).

## BAHAN SASTERA DALAM PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Bagaimakah kesedaran dan pengetahuan mengenai sejarah, warisan budaya dan rasa hormat antara kaum boleh dibentuk dan dipupuk? Bagaimakah jatidiri Singapura boleh ditanam dan dibajai supaya subur dan matang di sanubari setiap rakyat Singapura?

Aspek sejarah memang merupakan bahagian yang penting untuk membina jatidiri seseorang, sesebuah masyarakat, apatah lagi sebuah negara; oleh itu wajar menjadi fokus Pendidikan Kebangsaan. Hanya dengan mengenal sejarah, kita akan mengetahui fenomena kini dan boleh merancang masa depan kita dengan bijak. Tetapi apakah bentuk pengetahuan sejarah yang ingin diterapkan dan disalurkan pada generasi baru? Kesedaran dan minat terhadap sejarah Singapura sejak kebelakangan ini, masih menunjukkan yang aspek ini masih belum jelas dan terurai. Kita belum lagi mempunyai tulisan atau buku sejarah mengenai Singapura, yang lengkap dan menyeluruh, yang merangkumi

sejarah silam dan modennya. Permasalahan ini menuntut kita meneliti dengan mendalam dan saksama, supaya konsep, ruang dan nilai sejarah yang dikemukakan dalam sukanan Pendidikan Kebangsaan benar-benar sahih, berwibawa serta dapat dipertahankan. Ini sebenarnya memerlukan tenaga pakar yang benar-benar ilmiah dalam pendekatan dan penilaianya.

Warisan atau khazanah sastera Melayu sebenarnya amat kaya tetapi masih merupakan hutan dara yang masih belum direbah dan dikaji. Para sarjana telah menganggarkan lebih kurang 10,000 buah manuskrip atau tulisan tangan yang masih belum dicetak dalam bahasa Melayu telah dihasilkan dan kini disimpan di lebih 26 buah negeri di merata dunia, di antaranya ialah Britain, Belanda, Amerika Syarikat, Jerman, Perancis, Sri Lanka dan Afrika Selatan.

Di samping nilai seni dan budayanya, warisan sastera ini mempunyai nilai sejarahnya sendiri, sehingga digolongkan sebagai **SASTERA SEJARAH**. Boleh dikatakan setiap kerajaan Melayu lama mempunyai karya atau tulisan, samada bentuk prosa atau puisi yang merakamkan sejarah kesultannya: asal-usul raja, jurai keturunan raja, kisah pembukaan negeri, kedatangan Islam di negeri tersebut, kebangkitan dan kejatuhaninya. Di antaranya: Kerajaan Pasai-Sumatera abad ke 13 dan 14 dirakamkan dalam *Hikayat Raja Pasai*; Kerajaan Melaka abd ke 15/16 dalam *Sejarah Melayu*; Kerajaan Aceh, awal abad ke 17 dalam *Hikayat Aceh* dan *Bustan-us- Salatin*; Kerajaan Sulu dalam abad ke 16 dalam *Silsilah Raja-Raja Sulu*; Kerajaan Sulawesi hujung abd ke 17 dalam *Syair Perang Mengkasar*; Kerajaan Patani dalam abad 16- 18 dalam *Hikayat Patani*; Kerajaan Jambi dalam abad ke 14 dalam *Cerita Jambi*; Kerajaan Kedah dari awal hingga abad ke 19 dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*; Kerajaan

Johor-Riau-Lingga abad ke 18 dan 19 dalam *Salasilah Raja-Raja Melayu Bugis, Hikayat Negeri Johor* dan *Tuhfat al-Nafis*.

Kertas ini hanya menyenaraikan karya-karya yang mempunyai tema Singapura, iaitu yang menggunakan Singapura sebagai pokok persoalan penulisannya dan yang menggunakan Singapura sebagai latarnya.

1. SEJARAH MELAYU - Singapura pada abad ke 13/14 (Raja-Raja Melayu Singapura dan hubungannya dengan kesultanan Melayu Palembang dan Melaka)
2. HIKAYAT HANG TUAH (Makna Simbolik - Singapura menjadi tempat pengiktirafan kuasa raja, penemuan bakat Hang Tuah dan tempat yang melambangkan kejatuhan kuasa pahlawan dan raja Melayu, apabila mahkota Raja Melaka jatuh di Selat Singapura dan keris Hang Tuah di sambar buaya putih yang cuba menyelam dan mencarinya hilang. Mahkota dan keris hilang diair)
3. HIKAYAT ABDULLAH - Zaman Awal Inggeris di Singapura dan berakhirnya kesultanan Melayu Singapura (Singapura tempat perbandingan (self-mirror) kuasa Melayu dengan kuasa Inggeris)
4. KISAH PELAYARAN ABDULLAH KE KELANTAN - Bagaimana perang saudara di Kelantan menjelas perniagaan di Singapura. Perbandingan adat dan kehidupan dalam negeri Melayu dan kehidupan Singapura di bawah Inggeris).

5. KISAH PELAYARAN ABDULLAH KE JUDAH - Gambaran ringkas kehidupan Singapura sebagai pusat intelektual Islam dan pusat persinggahan pelayaran Haji bagi rantau ini.
6. SYAIR SINGAPURA TERBAKAR (Berdasarkan sejarah yang berlaku pada masa Tahun Baru Cina, di Commercial Square/Raffles Place, pada tahun 1830.)
7. SYAIR KAMPUNG GELAM TERBAKAR (Berdasarkan peristiwa sebenar pada 12 Feb 1847 ) dan SYAIR KAMPUNG BOYAN DIMAKAN API Syair-syair api ini menggambarkan kehidupan masyarakat urban Singapura pada peringkat awal, kosmopolitan, tapi belum cukup selamat dari bahaya tindakan manusia sendiri.
8. CERITA KAPAL ASAP - pendedahan pada teknologi barat.
9. TUHFAT ANAFIS - (Hubungan S'pura dengan Johor-Riau dalam abad awal dan masa Barat. Di antaranya: Pemerian tentang peristiwa sejarah penyerahan kuasa kepada Inggeris; usaha Singapura menghapus lanun; Singapura menjadi tempat hiburan kepada Raja Lingga, Sultan Mahmud)
10. SALASILAH MELAYU BUGIS - Menyebut 5 generasi raja-raja Melayu di Singapura)
11. KOLEKSI SURAT-SURAT LAMA - (disusun oleh A.T.Gallop)

12. SYAIR DAGANG BERJUAL BELI - OLEH TUAN SIAMI DI SINGAPURA (Sistem perdagangan Singapura zaman Inggeris dan kesamnya pada orang Melayu)
13. SYAIR TUANKU PERBU DI NEGERI SINGAPURA (1834) (skandal yang berlaku di Istana Singapura)

## KEINDAAN TAMAN SASTERA

Peranan atau peri pentingnya bahan sastera dalam pendidikan ini telah dijelaskan oleh Munsyi Abdullah seperti berikut:

*“Maka adalah diumpamakan fakir hikayat ini seperti suatu taman yang amat permai lagi indah-indah perbuatannya Maka adalah dalamnya itu beberapa pohon buah-buahan yang amat lazat citanya dan beberapa bunga-bungaan, yang amat harum baunya....”*

*“Adapun orang yang bijaksana itu apabila ia masuk ke dalam taman itu, maka terlihatlah ia kepada segala pohon buah-buahan dan bunga-bungaan itu. Maka teringinlah ia, lalu diambilnya. Maka diketahuinyalah akan lazat rasa buah itu. Lagi pula dipersuntingnya bunga-bunga itu. Dengan beberapa sukacitanya - sebab mendapat perkara yang indah-indah itu - keluarlah ia dari dalam taman itu....”*

*“...adapun orang yang bebal itu, apabila ia masuk ke dalam taman itu, serta ia melihat segala buah-buahan dan bunga-bungaan dalam taman itu, lalailah ia serta dengan malasnya hendak tidur, serta hairanlah akan dirinya dengan tercengang-cenganglah ia ke sana ke mari, tiadalah ia teringat hendak mengambil buah-buahan dan bunga-bungaan itu. Maka dengan hal yang demikian itu, keluarlah*

*ia dari dalam taman itu dengan hampa tangannya serta lapar dahaganya....”*

*....hai segala saudaraku yang membaca hikayat ini dan mendengarkan dia, hendaklah kiranya tuan-tuan menurut kelakuan orang yang bijaksana itu, supaya adalah engkau berolehfaedah cerita ini...’ (Munsyi AbduUah, Hikayat Panca Tanderan, 1835)*

Pandangan Abdullah itu, yang ditulis lebih kurang 172 tahun lalu, amat baik direnungkan. Perlu dimaklumkan bahawa bahan sastera bukanlah satu-satunya bahan pengajaran yang disarankan, tetapi ia adalah salah satu bahan pengajaran yang mempunyai potensi dan nilai pendidikan yang tinggi, oleh itu tidak harus diketepikan.

Para pendidik juga haruslah sedar yang kesusasteraan Melayu sebenarnya amat kaya, sebuah taman yang indah dan luas, malangnya masih belum diterokai. Para pendidik perlu mempunyai kesedaran dan minat untuk memasuki taman sastera, Melayu dan bukan Melayu, yang luas dan indah untuk memetik buah-buahan dan bunga-bunganya yang bernilai.

Cabarannya sebenar kepada para pendidik bukan setakat memasuki taman sastera itu, tetapi memikirkan langkah-langkah sesudah itu, iaitu bagaimana bahan itu dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Sebenarnya, banyak bahan sastera klasik yang perlu diringkaskan dan disesuaikan dengan keperluan dan kemampuan psikologi kanak-kanak hari ini. Begitu juga sastera kanak-kanak baru yang perlu diperkenalkan dengan strategi dan pendekatan pengajaran yang betul. Para pendidik perlu mempunyai pengetahuan dan kebijaksanaan untuk memilih buah dan bunganya yang sesuai dan menyajikannya dengan baik dan

berkesan. Tugas dan tanggungjawab inilah yang mungkin lebih berat dan mencabar.

Bukhari al Jauhari (1603), penulis kitab agung *Taj as-Salatin*, telah menutup karyanya dengan menyeru semua raja, atau pemimpin masyarakat (buku tersebut ditulis sebagai panduan kepada golongan raja), supaya membacanya selepas solat subuh, dalam keadaan yang paling hening. Bukhari telah menekankan peranan kitab (atau sastera), sebagai sahabat dan penasihat setia kepada para pemimpin. Beliau juga telah menegaskan agar kitab tersebut, oleh itu sastera umumnya, dimuliakan seperti berikut:

“dengan taruh katanya seperti mutiara pada telinga budi dan simpan maknanya seperti permata pada cincin hati.”

Semoga kita menjadi seorang pemimpin budiman atau pendidik jauhari, yang cukup bijaksana memilih mutiara dan permata sastera buat hiasan telinga budi dan cincin hati pada diri pelajar dan pada diri kita sendiri. Insya-Allah.

---

• *Kertas Ceramah disiapkan atas undangan Humanities and Aesthetic Branch, Curriculum Planning and Development Division, MOE. Disampaikan pada para guru Sivik dan Moral pada 27 Sep 1997, di Theatrette, Environment Building 40 Scotts Road, Singapura 228231.*

#### **BIBLIOGRAFI**

Abbas Mohd Shariff, 1996. “Ke Arah Keberkesan Pengajaran Sivik dan Pendidikan Moral Melalui bahasa Ibunda: Suatu Tinjauan Menurut Pengalaman Singapura”, dalam *Jurnal Bahasa Jendela Alam*, Persatuan Bahasa Moden M’sia, Jilid 1:91-107.  
Abdul Samad Ahmad, 1981. *Sejambak Kenangan*. K. L.: DBP.  
Abdullah bin Abdul Kadir Munysi, 1985. *Hikayat Panca Tanderan*. K.L.: Fajar Bakti.  
Bukhari al-Jauhari, 1992. *Taj as-Salatin*. Disunting oleh Khalid Hussain. K.L.: DBP.

Norazit Selat dan Zainal Abidin Borhan, 1996. “*Pantun Budi: Satu Analisis Nilai*” dalam Wan Ab. Kadir Wan Yusof, *Pantun - Manifestasi Minda Masyarakat*. K.L.: Akademi Pengajian Melayu, pp. 27-47.

Yeo, Robert, 1997. “*National Education and Literature Curriculum in Singapore Schools*”, kertas Seminar Pengajaran Sastera, 1997, Mei 29-31, anjuran NIE, Universiti Teknologi Nanyang dengan kerjasama kementerian Pendidikan Singapura.  
Curriculum Development Institute of Singapore (CDIS), Kumpulan Rakyat Yang Baik, 1992-1993. Siri buku-buku teks, buku kerja dan Panduan Guru untuk projek **RAKYAT YANG BAIK** untuk Pendidikan Moral Sekolah Rendah, terbitan EPB Publishers, Singapura.

- 
- *Penulis seorang pensyarah di Institut Pendidikan Singapura, Universiti Teknologi Nanyang dan anggota Majlis Bahasa Melayu, Singapura.*

# **MEMBACA DAN BERFIKIR SECARA KRITIS: APAKAH ERTINYA?**

- oleh Dr Kamsiah Abdullah

## Pengenalan

Apakah yang dimaksudkan dengan membaca dan berfikir secara kritis? Inilah yang menjadi persoalan inti yang akan dibincangkan dalam makalah ini. Sebelum diterangkan tentang konsep membaca secara kritis, terlebih dahulu akan dihuraikan tentang apakah yang dikatakan membaca, kemudian baru diikuti dengan huraian pemikiran secara kritis. Dalam persoalan membaca ini, akan disentuh tentang kefahaman dan pemahaman membaca dan perkaitannya dengan pembacaan secara kritis. Bahagian akhir makalah ini akan membentangkan satu penyelidikan yang bertujuan untuk mencari jawapan kepada persoalan inti yang menjadi pokok perbicaraan hari, iaitu apakah kemahiran atau subkemahiran yang terangkum dalam proses pembacaan secara kritis.

Semua kita sedar tentang perlunya membaca. Membaca ialah punca dalam mencari ilmu, membaca kunci kemajuan. Membaca juga ialah suatu kegiatan yang amat

dipentingkan dalam Islam bahkan pada kurun ke 7 Masehi, apabila Nabi Muhammad s.a.w. menerima wahyu pertama dari malaikat Jibrail, perkataan pertama wahyu itu sebenarnya ialah ‘IQRA’ - yang bermaksud BACALAH - Bacalah dengan nama Allah yang menjadikan...

Sebenarnya masa surah itu diturunkan merupakan sempadan antara peradaban lama dan tamadun bercorak baru yang berlandaskan literasi, sempadan di antara zaman buta huruf sejagat dengan zamam literasi insan sejagat, kerana selepas peristiwa itu, dengan bermulanya kegiatan membaca secara meluas barulah muncul pendidikan, ilmu pengetahuan dan pencarian ilmu yang merupakan tunggak peradaban moden berkembang dengan meluas diseluruh dunia. Sehingga kini peradaban dunia memasuki era baru di mana membaca (dengan berbagai tujuannya) merupakan suatu kegiatan dunia yang paling lumrah, penting dan paling utama; bahkan kemajuan sesebuah negara berkait rapat dengan darjah literasi dan pendidikan warganya. Marzano, seorang pengemuka kemahiran berfikir sampai menyatakan bahawa

*“Kejayaan sesuatu sistem demokrasi bergantung kepada keupayaan individu untuk menganalisa masalah dan membuat keputusan-keputusan yang berdasarkan pemikiran mendalam. Suatu bentuk demokrasi itu akan menjadi subur hasil dari produktiviti yang dibajai oleh pemikiran yang bebas, kritikal dan kreatif tentang isu-isu yang umum.”*  
*(Marzano, et al 1988:2)*

## Definisi Membaca

Pelbagai teori dan takrif membaca telah dikemukakan oleh pakar bacaan. Antaranya ialah:

membaca ialah penafsiran makna dari lambang-lambang tulisan, membaca berlaku dengan menatap huruf demi huruf kemudian membunyikan huruf-huruf tersebut dan membaca ialah penafsiran makna dari lambang-lambang tulisan. Ternyata teori itu kurang lengkap memaparkan perilaku pembacaan yang cekap, di mana penatapan dari mata ke buku dilakukan bukan secara deretan lepas satu huruf ke satu huruf, atau satu perkataan kepada perkataan di sebelahnya, tetapi secara “chunking” atau kelompok demi kelompok perkataan untuk mendapatkan makna. Bahkan dalam pembacaan pantas (speed reading) pembaca membaca persegi demi persegi, bukan lagi kelompok kecil perkataan.

Teori bacaan yang terbaru ialah teori psikolinguistik bacaan yang menyangkal teori dari “bawah ke atas’ atau dari mata ke teks’ itu dengan menyarankan bahawa bacaan bermula dari “”atas ke bawah” dari otak pembaca kepada bahan bacaan yang dibaca.

Namun walau apapun teori bacaan yang dipegang, semua pakar bersetuju bahawa bacaan tidak akan berlaku tanpa pemahaman maksud atau penafsiran makna. Ertinya pembacaan tanpa pemahaman (seperti yang kerap berlaku apabila seseorang membaca Al-Quran tanpa pemahaman maksud) bukanlah pembacaan sebenar atau IQRA’ - ia hanyalah penyuaran atau membunyikan huruf sahaja.

### Membaca dan Pemikiran

Membaca tetulah satu proses kognitif kompleks yang mesti menggunakan pemikiran. Pemikiran digunakan bukan sahaja untuk “mengenal lambang’ atau mengenal kod (mendekod), atau membaca makna harfiah atau literal, tetapi

lebih-lebih lagi ialah untuk menafsirkan maksud di sebalik lambang-lambang bertulis yang tersurat itu. Dengan perkataan lain kita membaca bukan sahaja apa yang tersurat bahkan juga perkara-perkara yang tersirat di sebalik sesuatu kata itu.

Dalam penafsiran unsur-unsur tersirat inilah pemikiran secara kritikal atau kritis memainkan peranan yang penting. Pembacaan unsur-unsur yang tersirat inilah merupakan inti bagi pembacaan secara kritis.

### Peringkat-peringkat Kefahaman Membaca

Usaha untuk menentukan peringkat kefahaman membaca telah dimulakan sejak 1949 oleh Gray, diikuti oleh Betts (1950), Artley (1959), Smith (1963), Carver (1973), dan kemudian Cunningham (1987), Turner (1988). Dalam penelitian secara renungan (non-empiris) ini hampir semua meletakkan pembacaan kritis di peringkat pemahaman yang paling tinggi. Pemeringkatan menjadi rumit apabila istilah bagi pembacaan kritis diserupata dengan pembacaan kreatif. Penelitian Cunningham berupaya menjernihkan pemeringkatan. Menurut beliau pemeringkat hanya harus dilakukan pada pemahaman yang bersandar pada teks, iaitu peringkat bawahnya: pemahaman literal, inferential dan kritikal yang paling atas atau tinggi. Apabila teks hanya menjadi stimulus, dan pemikiran yang menyusul bergantung pada schema semata-mata barulah pembacaan secara kreatif yang digelar creative response, berlaku. Pemahaman kritis dan kreatif berpadu apabila pemahaman atau respons berlandaskan kepada kedua-dua - teks dan schema. Walau bagaimana pemeringkatan ini hanya merupakan satu kontinum bukan sesuatu yang terpisah.

### Definisi Kritis atau Kritikal

Dalam Kamus Dewan “kritis” bermakna - 1) tidak dengan begitu sahaja menerima atau mempersetujui sesuatu (menimbangkan buruk baik terlebih dahulu), 2) bersifat mengkritik (tidak menerima sesuatu bulat-bulat) atau mengecam.

Oleh itu mengikut takrifnya, pemikiran kritis bermaksud berfikir secara saksama dengan menilai dan menimbangkan buruk baik terhadap sesuatu perkara terlebih dahulu sebelum membuat sesuatu keputusan atau penilaian.

### Definisi Membaca Secara Kritis

Jika diterapkan kepada proses pembacaan pula, membaca secara kritis bermaksud perilaku membaca dengan menggunakan pemikiran yang rasional, dengan membuat pertimbangan yang saksama terlebih dahulu semasa membuat penafsiran dan penilaian tentang isi yang dibaca. Selanjutnya keupayaan membaca secara kritis boleh ditakrifkan sebagai keupayaan mengenalpasti, memahami, menggunakan, menerapkan, menganalisis, mencerakinkan dan menilai hujahan dan wacana bertulis secara kritis. Secara kritis di sini, bermaksud cara yang reflektif, rasional, terbuka dan logik dalam menangani masalah, khususnya masalah pemahaman dalam bacaan.

Dalam era teknologi maklumat di ambang Tahun 2000 ini, manusia dibanjiri dengan pelbagai saluran dan jenis informasi, kebanyakannya dalam bentuk bercetak. Seseorang pembaca perlu bersifat memilih, bukan sahaja memilih bahan infomasi, tetapi lebih dari itu - menapis dan membaca secara

kritis segala timbunan maklumat yang ditemuinya berdasarkan kepada relevannya, kebenaran dan kesahannya.

### Peranan Teks dan Wacana

Pembacaan secara kritis juga mestilah bergantung pada wacana, teks atau bahan yang dibacanya. Semakin jelas tulisannya, gaya penyampaian, struktur bahasa, ejaan, pilihan kata-katanya semakin mudah membaca, menilai dan menghayatinya. Pada saya pembacaan seperti ini boleh diandaikan sebagai pembacaan tersurat, iaitu membaca baris demi baris untuk beroleh makna (*reading the lines*).

### Pembacaan Tersirat

Pembacaan tersirat melibatkan keupayaan membaca between the lines atau apa yang terkandung di sebalik kata-kata. Lebih jauh dari ini, pembaca harus boleh menyelami maksud penulis yang tidak ada dinyatakan dengan kata-kata, reading beyond the lines.

Bagaimana anda semua boleh percaya akan apa yang saya katakan tadi? atas dasar dan atas apa?

Biasanya jika sesuatu perkara yang dinyatakan itu masuk akal, anda akan mudah percaya, apa lagi jika orang yang membuat pernyataan itu berwibawa (seperti guru misalnya) dan dalam konteks yang rasmi pula. Tetapi orang yang kritis tidak mudah menerima bulat-bulat terhadap apa yang dikatakan, kerana ada kemungkinan orang atau pakar sekalipun boleh mengemukakan teori atau andaian yang tidak benar atau yang tidak dapat disokong oleh fakta yang ada pada ketika itu.

Orang yang berfikiran kritis mempertimbang dan menilai kebenaran sesuatu kenyataan sebelum diterima. Biasanya semakin dalam dan luas ilmu seseorang dalam sesuatu bidang, maka semakin baik dan semakin sah penilaian yang dibuat (ini juga suatu kenyataan yang perlu dibuktikan).

### *Pembacaan Kreatif*

Pembacaan kritis yang melibatkan pembacaan kata-kata yang tersurat, juga penyelaman maksud pengarang dan mencungkil makna di sebalik kata-kata tadi. Tetapi ada juga pakar “bacaan” yang melabelkan pembacaan kritis tadi sebagai suatu proses kreatif, oleh itu dinamakan sebagai pembacaan kreatif.

Bagi saya pembacaan kreatif mestilah menghasilkan suatu ide yang “novel” atau baru, sama ada baru bagi orang lain ataupun baru baginya. Oleh itu pembacaan kritis tidak semestinya boleh disamakan dengan pembacaan kreatif yang jelas melibatkan reading beyond the lines. Hanya jika pembacaan, sama ada secara kritis ataupun tidak itu, mencetus pembaca sehingga mendapat idea baru, sekurang-kurangnya berinteraksi secara akaliah, berangan-angan dengan pengarang, dengan teks sebagai stimulus/perangsang, maka barulah yang demikian melibatkan proses kreatif atau penciptaan.

Tidak benar bahawa pemikiran (pembacaan) kritis hanya kemahiran mengkritik, mengecam atau mencacat sahaja kerana pandangan ini hanya tertumpu kepada unsur yang negatif, sedangkan sebelum kritikan atau kecaman dibuat suatu proses pertimbangan atas dasar mencari kebenaran perlu ada. Yang menjadikan masalah ialah ketiadaan istilah satu

perkataan (dalam bahasa Melayu dan Inggeris) yang tepat untuk mengungkap konsep kritikan yang membina ini. Kapayahan mencari istilah neutral ini dihadapi oleh Ennis (1964), pemuka critical thinking yang terpaksa, pada suatu ketika menggunakan istilah logical thinking untuk konsep yang sama, tetapi kini berbalik semula menggunakan istilah critical thinking kerana istilah yang sudah mantap itu pula ada perbezaan sedikit dengan pemikiran secara logik.

Dalam budaya Melayu, pemikiran kritis tidak dipentingkan seperti di Barat, khususnya Inggeris, yang menganggapnya sebagai satu sifat yang perlu dipupuk terutama dalam institusi pengajian tinggi. Dalam bahasa Melayu, wahana teras kebudayaan Melayu, misalnya, perkataan-perkataan yang berkaitan dengan perilaku berfikir, khususnya pemikiran kritis, amat sedikit; perkataan seperti fikir, ingat, rasa, percaya, taakul, akal, rasional, kritikal yang berkenaan dengan pemikiran, kebanyakannya berasal dari bahasa Arab atau Inggeris. Yang paling menonjol ialah ketiadaan perkataan Melayu yang dapat melahirkan konsep “kritikal” dengan konotasi “baik”.

Maklumat tentang sesuatu bentuk kebudayaan dan sistem nilai sesebuah masyarakat boleh juga ditimba dari perumpamaan, kiasan, bidalan, pepatah dan dongeng masyarakat. Bahasa Melayu amat kaya dengan peribahasanaya, iaitu suatu khazanah budaya, logika dan pemerhatian yang digunakan untuk menyampaikan maksud dan konsep. Hasil satu analisis kandungan yang dilakukan terhadap kumpulan peribahasa yang disusun oleh Mohd Adnan (1990) telah dijalankan oleh penyelidik untuk membuktikan perkara ini; iaitu tentang kurangnya tumpuan diberi terhadap pemikiran yang kritikal dalam sistem nilai masyarakat Melayu. Daripada

2,259 patah peribahasa yang disenaraikan, hanya lebih kurang 1.2% sahaja yang dapat diklasifikasikan sebagai berkaitan dengan pemikiran atau proses berfikir; walaupun terdapat 159 atau 7% peribahasa yang dapat diklasifikasikan sebagai berbentuk keilmuan dan nasihat. Contoh peribahasa itu ialah seperti awal dibuat, akhir diingat, dianjak lau, dibubut mati (keputusan yang tidak dapat diubah ubah.

Selain dari peribahasa, satu lagi bukti kurangnya penekanan dalam pemikiran kritis yang dapat dikaji dari kesusasteraan Melayu. Mengikut tradisi lama, sastera dan juga ilmu disebarluaskan secara lisan melalui sesi-sesi bercerita, bersyair, berpantun dan sebagainya, iaitu apa yang digelar sastera lisan. Dalam sastera klasik (yang termasuklah apa saja bentuk/konsep yang berupaya menggunakan bahasa secara kreatif, termasuk sastera rakyat, mitos, cerita-cerita dongeng, puisi dan sebagainya yang begitu meluas penghayatannya, ‘kritikan sastera’ hampir tidak ada (Safian H., Md Thani A. & Johan J., 1981).

Munsyi Abdullah, pelopor sastera Melayu Baru yang berfikiran kritis, walaupun menulis dengan kata-kata yang tajam dan pedas tentang masyarakat Melayu dalam kurun kesembilan belas, misalnya, tidak diketahui ada menghasilkan satu bentuk kritikan sastera seperti yang kita ketahui sekarang ini, iaitu karya yang menganalisis hasil sastera secara objektif dan terpisah dari pengarang, pembaca dari masyarakat budayanya.

Menyentuh sastera moden, kritikan sastera didapati kurang subur jika dibandingkan dengan genre lain - novel, cerpen, puisi-puisi moden yang dipopularkan oleh surat khabar-surat khabar awal. Bentuk sastera kritikan yang pa-

ling awal mungkin ditulis oleh Za’ba dalam tahun 1927 tentang ‘bagaimana mengarang’ (Safian dan rakan-rakan 1981). Kemudiannya karya-karya berbentuk kritikan awal menyatukan sastera dengan semangat kebangsaan. Pengarang-pengarang ini biasanya berpendidikan Barat dan penulisan ‘hanya satu alat untuk mencapai cita-cita nasionalisma’. (Hashim Awang, 1973).

Walaupun didapati bentuk kritikan sastera yang berlatarkan keislaman, kritikan sastera boleh dikatakan dimonopoli oleh mereka yang berpendidikan Barat. Ini kerana literasi atau kebolehan membaca dan menulis di luar bidang agama (yang berbeza dengan literasi secara tradisi yang melibatkan pengajian Al Quran) telah menjadi lumrah. Abdullah Munshi sendiri tidak mungkin menulis secara yang begitu tajam dan pedas jika beliau tidak duduk berpayung dibawah lindungan Inggeris.

Persoalannya sekarang, adalah masyarakat Melayu kini, yang telah terdedah dengan budaya Barat, telah juga menyerap budaya kritis ini?

Dengan berlatarbelakangkan konteks seperti diuraikan tadi, tentunya amat menarik untuk mengkaji keupayaan membaca secara kritis (dan dengan itu berfikir secara kritis) di kalangan masyarakat Melayu, yang di samping mewarisi ketidak-pedulian dalam hal ini, kini terdedah dengan sistem persekolahan, kebudayaan Barat yang mementingkan pemikiran kritis.

Ini membawa kita semula ke persoalan inti apakah sebenarnya bentuk kemahiran pembacaan kritis dalam bahasa Melayu di kalangan murid-murid Melayu?

Sehubungan dengan ini saya ingin mengemukakan kembali satu model konsep konstruk pembacaan secara kritis yang telah saya kemukakan pada tahun 1994. Dalam model konsep itu, pembacaan dan pemikiran kritis dianggap sebagai proses yang tidak dapat dipisahkan, pembacaan memerlukan pemikiran; dan pemikiran kritis semasa proses pembacaan mestilah melibatkan cara berfikir dan sifat atau disposisi yang rasional (wajar) dalam menilai atau mempertimbangkan perkara-perkara yang dibaca. Pemikiran ini berlangsung sepanjang masa, sama ada disedari oleh pembaca secara automatik ataupun tidak.

Jelasnya, hasil dari proses membaca dan berfikir secara kritis ialah pertimbangan dan penilaian yang baik berdasarkan ilmu, pengetahuan, keupayaan dan disposisi seseorang pembaca.

Disposisi pula merujuk kepada sikap, sifat, kecenderungan dan keadaan emosi seseorang semasa melakukan sesuatu perlakuan. Seseorang dikatakan mempunyai disposisi kritis jika ia bersifat terbuka, saksama, cuba mencari sebab dan alasan, mengambil kira sepenuhnya suatu keadaan atau konteks sebelum membuat penilaian. Ia juga tidak hanya menerima sesuatu pernyataan berdasarkan pemukaan atau kulit luar sahaja, tetapi bersifat berhati-hati sebelum membuat rumusan atau andaian. Seorang pembaca yang kritis mungkin mempunyai daya pemikiran kritis yang tinggi.

Dalam berfikir secara kritis tentunya kepentingnya ilmu pengetahuan tentang sesuatu perkara perlu dikuasai oleh si pembaca, selain dari tujuannya membaca dan situasi pembacaan, darjah kecekapan membaca dan disposisi

pembaca dalam menentukan hasil pembacaan kritis.

Situasi dan proses kompleks yang berlangsung dalam “perilaku membaca” adalah manifesstasi suatu “trait” atau satu kemahiran atau subkemahiran membaca secara kritis yang bergantung kepada keadaan dan “input” bacaan yang dinilai oleh pembaca. Ia juga tentunya bergantung kepada isi atau kandungan teks, kebolehbacaan teks tersebut, gaya penulisan, dan lain-lain.

Dalam penubuhan konstruk ini, pada awalnya saya andaikan terdapat dua dimensi pembacaan kritis: yang pertama ialah dimensi berorientasi logika dan yang kedua, dimensi teras pembacaan kritikal. Di bawah dimensi logika termasuk pemerosesan teks di peringkat permukaan luar, iaitu:

- kebolehan menilai penafsiran deduktif
- keupayaan menilai penafsiran induktif
- keupayaan menilai kewajaran rumusan atau konklusi
- keupayaan mengenalpasti asumsi yang tersembunyi/tersirat

Di bawah dimensi inti pembacaan kritikal termasuk:

- keupayaan mengenalpasti kegenjutan /bias dalam pernyataan
- keupayaan mengenalpasti motif atau tujuan penulis
- keupayaan membezakan antara fakta dan pendapat
- keupayaan mengenalpasti fakta yang relevan dan yang tidak relevan
- keupayaan mengenalpasti persamaan dan perbezaan
- keupayaan menilai kekuatan hujah

Model awal ditunjukkan di bawah ini.

### GAMBARAJAH 1 MODEL KONSTRUK AWAL MEMBACA DAN BERFIKIR SECARA KRITIS



Dua teori disepadukan, iaitu teori pemikiran kritikal yang dilahirkan oleh Robert Ennis(1987) dan Teori Schema yang dikemukakan oleh Rumelhart, Kintsch, Anderson dan Pearson. Dilihat dari sudut teori schema, seseorang pembaca dikatakan mempunyai ‘schemata’ atau ‘mental framework’ berdasarkan input pengalaman yang mereka perolehi sepanjang hayat mereka. Ini temmasuklah pandangan dunia

dan nilai peribadi atau nilai masyarakat yang wujud semasa membaca, yang akan mempengaruhi pemahamannya tentang bahan bacaan tersebut. Seorang pembaca yang kritis akan mengaktifkan schemata yang relevan, termasuk schemanya yang bersifat kritis, semasa proses pembacaan berlangsung.

Pemerosesan secara kritis tidak berlaku sekali gus bahkan boleh berulang kali, terutama apabila dalam proses pembacaan tersebut ditemui perkara-perkara yang tidak konsisten. Oleh itu berbagai lapisan makna dapat dicungkil sebelum si pembaca berasa puas dengan penilaian yang dilakukannya. Proses pembacaan secara kritis tentunya melibatkan unsur tiga-segi - penulis, pembaca dan teks yang dibaca.

#### Proses Pengesahan Model

Membuktikan kewujudan suatu konstruk psikologis seperti kefahaman membaca ini amat sukar. Misalnya Davies (1972), Spearritt (1972) dan kemudiannya Thomdike (1974) gagal untuk membuktikan wujudnya konsep ‘levels’ atau peringkat-peringkat kefahaman membaca.

Apakah lagi bagi Model Konsep Pembacaan dan Pemikiran secara Kritis ini yang hanya merupakan sebahagian dari peringkat kefahaman membaca, walaupun dikategorikan (oleh Carver 1984) sebagai kefahaman membaca peringkat tinggi. Worden (1983), Sochor dan Maney (1969) misalnya pernah mencubanya, tetapi gagal memberi satu huraian yang benar-benar kukuh dari segi statistik.

Asas Model Konsep Pembacaan secara Kritis ini ialah penubuhan alatujian.

### Ujiantara Membaca secara Kritis

Dalam fasa kajian rintis ditubuhkan 100 buah item di bawah 10 subkemahiran membaca secara kritis. Item-item ini diprauji dengan menggunakan sampel perintis seramai 350 orang. Dalam fasa kedua pula, 18 daripada item yang tidak begitu baik (diukur melalui indeks kepayaan dan indeks diskriminasi) dibuang. Baki delapan puluh dua butiran yang tinggal itu kemudian dianalisis dengan menggunakan teknik analisis item secara tradisional (menggunakan indeks kepayaan dan indeks diskriminasi). Dalam penapisan seterusnya, dengan kaedah yang sama tetapi ditambah dengan Analisis Rasch yang lebih rumit, beberapa item yang lemah terpaksa dibuang lagi sehingga akhirnya hanya 65 item daripada 9 subkemahiran yang benar-benar tinggi mutunya dikekalkan. Satu subkemahiran iaitu keupayaan membuat penafsiran secara deduktif dikeluarkan terus daripada model ini atas dasar yang tersebut di atas. Bilangan sampel yang digunakan untuk pengujian sebenar ialah 1444 orang murid.

### Menguji Kandungan sebenar Pembacaan Kritis


Teknik yang digunakan untuk menentukan apakah kandungan sebenar pembacaan kritis ialah teknik analisis statistik yang dipanggil analisis faktor. Dengan berlandaskan analisis korelasi atau perkaitan, analisis ini berupaya mencungkil ketekalan dalaman (internal consistency) faktor/ciri-ciri abstrak. Dalam teknik ini trait yang terpendam (latent) yang relevan boleh dicungkil (extract) dan diukur darjah kesahannya.

Hasil daripada analisis faktor yang berlangsung dalam beberapa kali putaran (principal component analysis) ini jelas

menyerlahkan wujudnya hanya satu trait atau kemahiran teras membaca secara kritis; kemahiran ini berupaya menjelaskan 39.8% daripada varians yang wujud.

Dengan itu, model awal tadi terpaksa diubahsuai supaya lebih selaras dengan penemuan tadi. Model baru ini diperturunkan di bawah ini.

### **GAMBARAJAH 2 MODEL KONSTRUK TERAKHIR MEMBACA DAN BERFIKIR SECARA KRITIS**



### Kesahan (Validity) Model

Analisis faktor begini hanya berupaya membuktikan trait

dalam pembacaan dan dengan itu ketekalan dan kesahan dalam (internal consistency and validity) sesuatu konstruk. Untuk membuktikan kesahan luaran dan kesahan concurrent/sejarah, analisis korelasi dan analisis faktor yang menggunakan pembolehubah atau faktor-faktor lain juga dilakukan. Dalam hal ini, alatujji pembacaan kritis diputarkan (secara Varimax) bersama dengan faktor-faktor diri pembaca seperti keupayaan akademik, pencapaian dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris, matematik, sains, kefahaman membaca, pemikiran kritis, pendidikan ibu, pendidikan bapa dan darjah kedwibahasaan.

Hasil analisis faktor yang kedua ini menunjukkan kewujudan empat faktor yang berbeza:

- dalam faktor pertama termasuk pembacaan kritis, keupayaan akademik sains, bahasa Inggeris, matematik.
- Dalam faktor 2, termasuk pembacaan kritis, bahasa Melayu, kefahaman membaca (Melayu), dan kedwibahasaan.
- Seterusnya dalam faktor 3 hanya terserlah pendidikan ibu dan bapa.
- Faktor tunggal dalam kumpulan 4 hanyalah disposisi terhadap pemikiran kritis.

#### Apakah makna dan implikasi dari dapatan ini?

Dapatan secara statistik di atas jelas membuktikan bahawa pembacaan kritis yang diwakili oleh ujiantara ini, adalah satu keupayaan kognitif dan ia amat bertautan dengan keupayaan berbahasa seseorang, dan dalam hal ini, keupayaan berbahasa Melayu. Penemuan yang tidak kurang pentingnya, ialah tentang sifat atau disposisi pemikiran kritis yang

ditunjukkan sebagai satu trait “bebas” - tidak sekategori atau berkelompok dengan pembacaan kritis.

#### Ujiantara Membaca dan Berfikir dalam bahasa Inggeris

Sebagai susulan, satu penyelidikan berasingan telah dilakukan tahun lalu (Kamsiah dan Lim Tock Keng, 1995) dengan cara menterjemahkan alatujji tadi ke bahasa Inggeris dan kemudian mentadbirkan ujiantara dan soalselidik kepada murid-murid Menengah Satu dan Tiga di beberapa buah Sekolah Menengah.

Seperti yang dijangkakan, hasil ujian meneguhkan koefisien kesahan dan kebolehpercayaan alatujji ini. Keluk Ciri Ujian (Test Characteristic Curve) yang hampir sama telah diperolehi. (lihat lampiran)

#### Kesimpulan

Kemahiran membaca secara kritis ini perlu diajar kepada murid-murid kita, sama ada diterapkan dalam semua mata pelajaran iaitu merentas subjek ataupun dimasukkan dalam satu-satu subjek tertentu seperti dalam subjek Bahasa Melayu. Jika pemikiran kritis ialah suatu kemahiran kognitif, ia seharusnya bersifat bebas bahasa - ertiinya bimbingan dalam pembacaan kritis yang dilakukan dalam Bahasa Melayu dapat dimanfaatkan kepada bidang-bidang lain atau kepada bahasa-bahasa lain. Yang penting ialah usaha guru untuk melabuh kemahiran dan kesedaran dan keprihatinan semua pihak untuk membudayakan kemahiran membaca dan berfikir dalam masyarakat.

## RUJUKAN

- Cohen, Josef. **Thinking**. Chicago: Rand McNally 1971.
- Ennis, R.H.; (1964). A definition of Critical Thinking. **The Reading Teacher**, 17, 599 - 622.
- Ennis, R.H.; (1987). A Taxonomy of Critical Thinking Dispositions and Abilities in J.B. Baron and R.J. Sternberg (eds). **Teaching Thinking Skills**, New York: Freeman.
- Lipman, M. **Thinking in Education**, New York: Cambridge University Press, 1991.
- Kamsiah Abdullah. The Critical Reading and Thinking Abilities of Malay Secondary School Pupils in Singapore. Tesis PhD University of London. 1994.
- Kamsiah Abdullah, 1993. Maintaining Cultural Values and Identity: The Case of Malay Language Teaching in Singapore at a Symposium on International Perspectives on Culture and Schooling, Institute of Education, London; 11th -13th May 1993.
- Marzano, R.J.; Brandt, R.S. Hughes, C.S. Jones, B.F. Presseisen, B.Z.' Ranhn S. C. and Suhor, C. (1988). **Dimensions of Thinking: A Framework for Curriculum and Instruction**: Alexandria, V.A.: association for Supervision and Curriculum Development.
- Smith, Frank; (1988). **Understanding Reading: A Psycholinguistic Analysis of Reading and Learning to Read**, N.J.: Erlbaum
- Spearritt, H.D. (1972) Identification of subskills of Reading comprehension by maximum likelihood factor analysis. **Reading Research Quarterly**, 8, 92-111.
- Torrance E dan Meyers, R.E. **Creative Learning and Teaching**, New York: Dodd, Mead, 1970.
- Worden, T.W. (1981). Critical Reading: Can the skills be measured? **Reading Improvement**, 18, 4, 278-286.

---

• Penulis ialah pensyarah di Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang dan juga anggota Majlis Bahasa Melayu, Singapura.